

فتيقن تيتاه

PETIKAN TITAH

"KHUSUS dalam perkara bernegara termasuk berbandar, kita adalah dituntut supaya sentiasa memelihara kesucian negara atau bandar kita itu daripada segala macam bentuk mungkar. Ini adalah amanah, dan termasuk juga selaku amanah itu ialah memberikannya imej yang baik dan indah, maksud beta, imej keislaman (Islamic image), lebih-lebih lagi sesuai dengan sifatnya selaku bumi MIB atau bumi Negara Zikir." - Titah Sempena Hari Raya Aidiladha Tahun 1433 Hijriah / 2012 Masihi.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسش ايمان

MANISNYA IMAN

"ALLAH meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama beberapa darjat. Dan Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan." - (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Mujaadilah ayat 11).

TAHUN 59 / BILANGAN 112

8 SEPTEMBER 2014 / 1435 ذوالقعدة

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

Berangkat menyaksikan Regatta Sarawak 2014



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan melancarkan perasmian Regatta Sarawak 2014 dengan menekan punat upacara pelancaran sambil dijunjung bersama oleh Yang Di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Tan Sri Pehin Sri Haji Abdul Taib bin Haji Mahmud. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas. (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan ke muka 12 dan 13).

Kekosongan jawatan tidak mencukupi menampung pengangguran

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 5 September. - Hakikat pahit yang kita harus hadapi adalah daripada 12,000 orang yang menganggur di Negara Brunei Darussalam ketika ini majoritinya adalah belia walaupun peluang pekerjaan dan kekosongan jawatan memang ada tetapi masih tidak mencukupi untuk menampung angka berkenaan.

Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman menjelaskan perkara tersebut pada Majlis Pelancaran Minggu Keusahawanan Pusat Pembangunan Belia (PPB) Ke-9 yang diadakan di Dewan Binadiri, Bangunan PPB, di sini.

Menurut Yang Mulia Datin Paduka, selama ini kita sedia maklum kecenderungan generasi yang lalu sudah

setentunya adalah untuk berkhidmat di sektor awam atau sektor kerajaan.

Dengan adanya Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP), tegasnya, ia telah merapatkan jurang manfaat yang diterima di bawah sektor awam berbanding sektor swasta, namun masih terdapat jurang yang membezakan.

"Kita perlu mengurangkan jurang ini dan sudah setentunya ia memerlukan tindakan dan perubahan dasar dari semua pihak sama ada pihak sektor kerajaan mahupun sektor swasta dan kita harus mengubah minda masyarakat bahawa kerjaya dalam sektor swasta juga satu pekerjaan yang mulia," jelasnya.

Yang Mulia Datin Paduka yang juga selaku tetamu kehormat majlis menyatakan, bidang keusahawanan bukan sahaja mampu menyumbang kepada peningkatan pendapatan per kapita sesebuah negara malah ia bertindak sebagai pemangkin dalam perubahan struktur sosial dan masyarakat.

Ke muka 24

'Centre for Advanced Material and Energy Sciences' ditubuhkan

Bina kapasiti, kualiti pendidikan

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

TUNGKU LINK, Sabtu, 6 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) bertitah memperkenalkan penubuhan 'Centre for Advanced Material and Energy Sciences' yang bertanggungjawab untuk melaksanakan penyelidikan saintifik *inter-disciplinary* dalam bidang sains material dan tenaga untuk melatih sumber manusia bagi keperluan industri berteknologi tinggi.

Titah baginda, ini semua adalah merupakan langkah ke arah membina kapasiti dan kualiti pendidikan bagi generasi masa kini dan akan datang.

Bagaimanapun dalam keghairahan menuju matlamat tersebut, baginda sedikit kecewa apabila mendengar khabar dalam kalangan ibu bapa dan penjaga yang masih kurang memberikan perhatian terhadap kedatangan anak-anak mereka ke sekolah.

Baginda menegaskan perkara tersebut amatlah tidak wajar untuk berlaku.

Bertitah pada Majlis Konvokesyen Ke-26 UBD, di Dewan Canselor UBD, Kebawah Duli Yang Maha Mulia secara telus berpendapat jika para ibu bapa dan penjaga gagal untuk memberikan perhatian yang sewajarnya kepada anak-anak, maka impian dan hasrat negara bagi melihat lahirnya generasi yang cemerlang tidak akan tercapai.

Oleh itu Kebawah DYMM menegaskan, perlunya semua ibu bapa dan penjaga supaya muhasabah, sama ada para ibu bapa sudah menjalankan tanggungjawab mereka dengan sempurna, demi untuk satu generasi cemerlang yang terdiri daripada anak-anak Brunei sendiri.

Dalam titah itu, baginda juga menegaskan bahawa hanya tenaga akademik yang benar-benar layak sahaja yang diresapkan ke dalam skim yang baginda perkenalkan iaitu Skim Perkhidmatan Tenaga Akademik Bagi Institusi Pengajian Tinggi Awam.

Ke muka 24



Muka 6

Pro Canselor berangkat menyempurnakan Penganugerahan Diploma



Muka 8

Kementerian Hal Ehwal Ugama mempersembahkan Khatam Al-Qur'an 68 Kali

Belia berperanan besar memelihara, mengangkat martabat negara

Assalamu'alaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya
Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala
Asyarafil Mursaleen, Sayyidina
Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua, dapatlah kita pada hari ini bersama-sama lagi berkumpul dalam perhimpunan Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Kesembilan bagi tahun 2014. Beta sukacita mengucapkan Selamat Menyambut Hari Belia Kebangsaan 2014 kepada semua para belia di negara ini.

Para belia mempunyai peranan yang sangat besar dalam memelihara dan mengangkat martabat negara. Mereka juga adalah golongan paling berpotensi untuk mencorakkan bangsa dengan apa jua corak yang mereka mahu. Bukankah hampir 50 peratus dari jumlah penduduk negara ini terdiri daripada kaum belia? Jumlah yang sebesar ini merupakan satu *kuasa* tersendiri.

Kaum belia perlu menggunakan kelebihan ini untuk membina diri mereka sendiri dan juga masyarakat. Dengan kelebihan yang ada itu, mereka adalah mampu untuk terus berkembang, dengan merebut pelbagai peluang yang sentiasa terbuka luas di hadapan mereka. Peluang-peluang tersebut turut meliputi, seperti peluang menambah kebolehan dan kemahiran.

Kaum belia juga adalah agen kepada perubahan. Namun dalam perkara perubahan ini, semua kita, lebih-lebih lagi kaum belia adalah dikehendaki supaya lebih bijak dan berhati-hati dalam menilai dan memilih perubahan itu. Kerana bukanlah semua perubahan itu baik, malah ada yang memerlukan kita supaya mengelaknya, iaitu jika perubahan itu membawa impak tidak baik atau tidak selaras dengan aspirasi bangsa.

Sebelum membawa atau melahirkan sebarang perubahan, kaum belia dikehendaki untuk memiliki jati diri yang jelas, kukuh dan mantap. Ia juga mustahak untuk diisi dengan nilai-nilai agama dan budaya yang luhur, supaya kelak perubahan itu tidak dibayangi oleh elemen-elemen yang tidak diinginkan.

Jika sesuatu perubahan itu menampilkan kebatilan, maka perubahan seperti ini tidaklah dialu-alukan, kerana kemunculannya bukan membawa kebaikan tetapi sebaliknya mengundang kerosakan. Ini, sangat biasa terjadi di mana-mana, atas nama perubahan, kalau perubahan itu berunsur malapetaka, maka masyarakat yang menerimanya akan menderita jadinya.

Kita di Brunei, perlulah berhati-hati dengan perkara seumpama ini. Cari dan rancanglah perubahan yang membina, bukan perubahan yang merosak. Janganlah belajar atau mengambil dari mana-mana yang tidak bermanfaat untuk dipelajari, tetapi belajarlah dari mana dan kepada siapa yang



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-9 Tahun 2014, pada hari Rabu, 8 Zulkaedah 1435 Hijriah bersamaan 3 September 2014 Masihi, bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Negara Brunei Darussalam.

patut dicontohi.

Inilah cara mengendalikan diri. Para belia mustahak memahami perkara ini. Mengendalikan diri itu bererti juga menguasai keadaan di mana yang perlu.

Inilah cabaran yang sangat sukar untuk dihadapi, iaitu cabaran Abad Ke-21 era globalisasi. Cabaran ini tidak pernah sunyi dari agenda memusnahkan kebenaran.

Di sinilah para belia tidak boleh memandang ringan sebarang cabaran, tetapi mustahak menghayati saranan tema Hari Belia Kebangsaan pada tahun ini 'Bersatu Menghadapi Cabaran Abad Ke-21'.

Sesungguhnya abad ini memang penuh dengan cabaran. Tidak siapapun yang boleh terlepas dari cabaran, sama ada cabaran itu membina atau meruntuh. Jika cabaran membina, ia wajar kita sambut dengan keghairahan, sementara jika cabaran itu meruntuh, maka kita adalah berkewajipan untuk menyambutnya dengan semangat menolak atau melawan, dalam makna, kita perlu berjaya menolak atau menggagalkannya. Jika kita berjaya menolak atau menggagalkan cabaran seperti ini, bererti kita adalah penyelamat: penyelamat diri sendiri, penyelamat masyarakat dan penyelamat negara.

Para belia mesti tampil menjadi wira keadaan. Corakkanlah keadaan itu dengan kebajikan. Biar ia *malar* tenteram dan

menyenangkan serta berhias dengan perpaduan, persefahaman, dan keharmonian.

Satu contoh bagus tentang perpaduan dan persefahaman, terdapat dalam acara-acara Kejohanan Bola Sepak Piala Hassanal Bolkiah Peringkat Belia. Melalui acara-acara ini kita dapat menyaksikan kumpulan belia negara-negara ASEAN dan Timor Leste sedang beraksi merealisasikan perpaduan dan persefahaman di antara mereka. Suasana seperti ini amatlah membanggakan dan malah menghiburkan.

Kita juga gembira, kerana kejohanan ini telah turut diiktiraf oleh Asian Football Confederation (AFC) dan ASEAN Football Federation (AFF) sebagai satu kejohanan bola sepak belia yang terunggul di rantau ini.

Ini tidak syak lagi adalah merupakan satu lagi pencapaian bagi agenda dunia '*Sukan untuk Keamanan dan Pembangunan*' atau *Sports for Peace and Development*.

Untuk akhirnya, beta mengambil kesempatan, untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada pasukan Tebuan Muda Negara Brunei Darussalam di atas mutu persembahan mereka yang baik, walaupun tidak dapat meneruskan sehingga ke pusingan berikutnya.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari Sidang
Pengarang.

8 SEPTEMBER 2014 BERSAMAAN 1435 ذوالقعدة 13

UBD TERUS MELAKAR KEJAYAAN, PENCAPAIAN, KEGEMILANGAN

SYUKUR ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan izin-Nya jua terhasillah para sarjana dan ilmuwan negara dengan bertambahnya bilangan orang-orang Brunei yang berilmu dan berpendidikan tinggi dalam pelbagai bidang sama ada dalam peringkat sijil, diploma, sarjana muda, sarjana dan kedoktoran kesemuanya itu adalah hasil usaha yang jitu daripada pihak universiti terutama sekali Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang baru-baru ini telah mengadakan Majlis Konvokesyen UBD Ke-26.

Dengan pembentukan struktur, fasiliti, kemudahan pembelajaran dan kepakaran daripada luar negara, UBD terus melakar kejayaan, pencapaian dan kegemilangan dengan menjadikan matlamatnya melahirkan insan yang berguna pada bangsa, agama dan negara.

Meliputi aspek sosial, ekonomi dan sumber tenaga manusia akan meningkatkan prestasi dan kedudukan negara di tahap yang teratas iaitu mempunyai rakyat yang berpendidikan tinggi bagi pembangunan negara bagi mencapai Wawasan Negara 2035 nanti.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UBD berangkat ke Majlis Konvokesyen UBD Ke-26 pada hari Sabtu, 11 Zulkaedah 1435 Hijriah bersamaan 6 September 2014 Masihi, ada bertitah menegaskan beberapa penekanan yang dapat diambil iktibar daripada titah baginda iaitu mengenai dengan peranan ibu bapa dan penjaga yang gagal untuk memberikan perhatian yang sewajarnya kepada anak-anak, maka impian dan hasrat negara bagi melihat lahirnya generasi yang cemerlang tidak akan tercapai.

Menyentuh mengenai lain-lain perkara seperti kedatangan pelajar ke sekolah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menekankan supaya ibu bapa mengawal disiplin anak-anak mereka dan memberikan perhatian atau pengawasan terhadap kegiatan-kegiatan di luar sekolah yang mereka ceburi.

Kebawah DYMM juga ada bertitah memperkenankan penubuhan 'Centre for Advanced Material and Energy Sciences' yang bertanggungjawab untuk melaksanakan penyelidikan saintifik 'inter-disciplinary' dalam bidang sains material dan tenaga untuk melatih sumber manusia bagi keperluan industri berteknologi tinggi bagi keperluan negara dari jangka masa yang panjang.

Baginda juga menegaskan bahawa sektor pengajian tinggi adalah nadi pembangunan negara. Oleh kerana itu, baginda sangat teruja untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada UBD yang telah mencapai kedudukan dalam 'QS Asia University Rankings' pada tahun ini.

Selain pada itu, baginda juga bertitah mengingatkan para graduan UBD supaya mengambil peluang mengekalkan identiti kebruneian yang berpaksikan Melayu Islam Beraja (MIB) dan memeliharanya sampai ke generasi turun-temurun.

Akhirnya semoga dengan terhasilnya tenaga sumber manusia yang berpendidikan tinggi dalam pelbagai bidang akan dapat mewujudkan satu masyarakat yang menjana kemajuan negara dan seterusnya mengangkat negara sebagai sebuah negara MIB yang terunggul memiliki rakyatnya yang berpengetahuan dan sangat menitikberatkan ilmu itu sendiri. - **Ketua Penyuntingan (Tr).**

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Haji Aliddin Haji Moktal,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Aryentyt Haji Arifin,
Mohammad Arif Matali

Ketua Penyuntingan

Ali Termizzi Haji Ramlli / Haji Ramli,
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Mohammad Rainie Haji Durani

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Haji Sahari Akim,
Samle Haji Jait,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad,

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafar,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Ramalan Cuaca Tiga Hari		
ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
33 °C 25 °C	33 °C 25 °C	33 °C 25 °C
MUARA		
33 °C 25 °C	33 °C 25 °C	33 °C 25 °C
PEKAN BANGAR		
32 °C 24 °C	32 °C 25 °C	32 °C 25 °C
PEKAN TUTONG		
33 °C 25 °C	33 °C 25 °C	33 °C 24 °C
PEKAN SERIA		
33 °C 25 °C	33 °C 25 °C	33 °C 24 °C
KUALA BELAIT		
33 °C 25 °C	33 °C 25 °C	33 °C 24 °C

Walaupun Bismillah
Sumber : Perkhidmatan Kejuruteraan Brunei Darussalam
Jabatan Penerangan Awam
Telefon : 2330142 sambungan 1886/1551 atau Talian Cuaca : 114

Keberangkatan lawatan kukuhkan persahabatan



Laporan : Bolhassan Haji Abu Bakar
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas
dari Kuching, Negeri Sarawak

KUCHING, NEGERI SARAWAK, Sabtu, 6 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di Kuching, Negeri Sarawak, Malaysia bagi menyaksikan Perlumbaan Akhir Perahu Naga Antarabangsa Regatta Sarawak 2014.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Lapangan Terbang Antarabangsa, Kuching dijunjung oleh Yang Di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Tan Sri Pehin Sri Haji Abdul Taib bin Haji Mahmud; Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Yang Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Alfred Jabu Anak Numpang dan Menteri Perancangan Sumber dan Alam Sekitar II, Menteri Kemudahan



KEBAWAH DYMM berkenan menerima junjung ziarah ketika berangkat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa, Kuching.



SEBELUM Kebawah DYMM berangkat ke tempat persemayaman baginda di Hotel Hilton Kuching, doa selamat dibacakan oleh Imam Besar Negeri Sarawak, Datuk Haji Jorgi bin Suhaili.



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Lapangan Terbang Antarabangsa, Kuching dijunjung oleh Yang Di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Tan Sri Pehin Sri Haji Abdul Taib bin Haji Mahmud (atas dan kiri).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berbual mesra dengan TYT Tun Tan Sri Pehin Sri Haji Abdul Taib bin Haji Mahmud.

Awam, Menteri Pembangunan dan Perindustrian, Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hassan, selaku Menteri Pengiring serta pegawai-pegawai kanan Negeri Sarawak.

Turut hadir menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Konsul Agung Negara Brunei Darussalam di Kuching, Sarawak, Awang Haji Kamsani bin Haji Noordin.

Sambutan keberangkatan Kebawah DYMM dijunjung dengan pelbagai kaum dan etnik Negeri Sarawak mengenakan pakaian tradisional yang melambangkan kehalusan budaya 'Bumi Kenyalang'.

Sebelum Kebawah DYMM berangkat menaiki kenderaan khas menuju ke Hotel Hilton Kuching, tempat persemayaman baginda di sepanjang keberangkatan, doa selamat dibacakan oleh Imam Besar Negeri Sarawak, Datuk Haji Jorgi bin Suhaili.

Sejurus keberangkatan tiba di

hotel tersebut, baginda dijunjung oleh Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Komunikasi Sarawak, Yang Berhormat Dato Sri Michael Manyin Anak Jawong dan Pengurus Am Hotel Hilton, Jon Warmington berserta para kakitangan hotel.

Mengiringi keberangkatan Kebawah DYMM ialah Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Negara Brunei Darussalam dan Negeri Sarawak mempunyai hubungan persahabatan yang rapat dan mesra sejak sekian lama, yang mana ia dipereratkan lagi dengan pertukaran lawatan di peringkat tertinggi dan pegawai-pegawai kanan.

Keberangkatan lawatan dua hari baginda ke Kuching juga mencerminkan hubungan yang semakin kukuh dan harmoni antara Negara Brunei Darussalam dan Negeri Sarawak.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) berkenan mengurniakan titah semasa Majlis Konvokesyen Ke-26 UBD (atas), sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat ke Majlis Konvokesyen Ke-26 UBD di Dewan Canselor UBD. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), selaku Pro Canselor UBD.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,
Hamzah Mohiddin, Hernie Suliana Haji Othman,
Azmah Haji Ahad

TUNGKU LINK, Sabtu, 6 (UBD) tahun ini menyaksikan September. - Majlis Konvokesyen seramai 1,118 graduan berjaya Ke-26 Universiti Brunei Darussalam menerima ijazah dan diploma dalam

Konvokesyen UBD Ke-26 penuh signifikan



bidang masing-masing.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UBD berkenan mengurniakan ijazah. Keberangkatan tiba Kebawah

Duli Yang Maha Mulia di Dewan Canselor, UBD dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan dan Naib Canselor UBD, Dato Paduka Dr. Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pro Canselor UBD.

Bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an disampaikan oleh Mahasiswa Ijazah Sarjana Perakunan dan Kewangan, Awang Mohd. Syair bin Haji Shamsuddin.

Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan dan Naib Canselor UBD dalam sembah alu-aluannya antara lain menyebarkan mengenai pengambilan pelajar yang tertinggi dalam bidang-bidang sains dan kejuruteraan kepada 48 peratus daripada keseluruhan pengambilan pelajar.

Menurut Dato Paduka Dr. Haji Zulkarnain, peningkatan tersebut adalah sejajar dengan hasrat kerajaan bagi meningkatkan kapasiti negara di dalam bidang-bidang tersebut yang diharapkan dapat menjana kepada pembangunan negara.

"Ini merupakan jumlah yang membanggakan di mana 10 orang graduan tersebut terdiri daripada penerima anugerah 'Graduate Research Scholarship' yang telah diperkenalkan oleh Kebawah DYMM pada Majlis Konvokesyen UBD Ke-22 pada tahun 2010," jelasnya.

Menurutnya, penerima-penerima anugerah skim tersebut telah menyumbang ke arah penerbitan sebanyak 53 kertas jurnal hasil daripada penyelidikan yang dijalankan yang mana sebahagian daripadanya telah membuahkan hasil dalam bentuk paten.

Ke muka 5



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UBD berkenan mengurniakan ijazah kepada para penerima ijazah dalam pelbagai bidang pengajian masing-masing (kiri dan kanan).



BACAAN ayat-ayat suci Al-Qur'an disampaikan oleh Mahasiswa Ijazah Sarjana Perakunan dan Kewangan, Awang Mohd. Syair bin Haji Shamsuddin.



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned semasa membacakan doa selamat bagi memberkati majlis tersebut.



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan dan Naib Canselor UBD, Dato Paduka Dr. Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi semasa menyebarkan ucapan alu-aluannya.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UBD dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di JPM, selaku Pro Canselor UBD berkenan bergambar ramai bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Konvokesyen Ke-26 UBD.

Dari muka 4

Antara penemuan yang terkini di UBD, ujaranya, kaedah baru dalam pengesanan elemen tidak halal dalam makanan yang mengambil masa satu hingga dua minit berbanding satu jam menggunakan kaedah konvensional.

Beliau menyatakan, kaedah ini juga lebih sensitif di mana ianya boleh mengesan elemen sehingga berat 1 picogram.

Selain dari itu, UBD juga pada tahun ini buat pertama kalinya telah dianugerahkan paten antarabangsa dengan ciptaan mesin tape casting yang mana penghasilan tape casting secara kecil-kecilan akan dapat membantu industri menghasilkan ceramic substract yang nipis dengan kos yang rendah berbanding secara konvensional.

Baginda kemudian berkenan mengurniakan ijazah kepada seramai 1,020 graduan termasuk 12 graduan menerima Ijazah Doktor Falsafah, 396 graduan menerima Ijazah Sarjana dan 612 graduan menerima Ijazah Sarjana Muda.

Tahun ini merupakan tahun yang penuh signifikan kerana UBD telah mengeluarkan graduan Ijazah Doktor Falsafah yang paling ramai dalam sejarah UBD.

Sejak penubuhannya pada tahun 1984, UBD sentiasa mengalami transformasi dan perkembangan yang positif, juga termasuk di dalam 50 universiti teratas di seluruh Asia sehingga kemasukan para pelajar antarabangsa ke UBD semakin menggalakkan dan mula diiktiraf dunia.

UBD juga sentiasa mengukuhkan strategi dalam meningkatkan pengajaran dan pembelajaran para mahasiswa dan mahasiswi ke tahap maksima demi menjana penyelidikan bertaraf dunia serta meningkatkan status antarabangsa.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Baginda juga berkenan menyaksikan pameran mengenai program penemuan 'Discovery Year' UBD dan seterusnya dijunjung untuk berinteraksi bersama mahasiswa dan mahasiswi yang

sedang mengikuti program tersebut dengan rakan-rakan universiti di luar negeri iaitu Universiti Zheijang, China; University of Auckland, New Zealand; University Malaysia Sabah, Malaysia; Pusat Pendidikan

Berterusan Phu Yen, Viet Nam dan University of Arizona, Amerika Syarikat.

UBD mempunyai wawasan dan visi untuk menjadi sebuah universiti antarabangsa kelas

pertama dengan identiti nasionalnya yang tersendiri.

Ia juga memainkan peranan yang penting seiring dengan agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam mendidik warganegara khususnya

para belia untuk menjadi insan yang cemerlang, berilmu berlandaskan dan berpegang kepada pendidikan agama Islam dan konsep Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai sandaran hidup.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan mendengarkan sembah taklimat yang disampaikan oleh mahasiswa dan mahasiswi UBD dan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan yang juga Naib Canselor UBD pada pameran yang diadakan di Dewan Canselor tersebut (atas kiri dan kanan), sementara gambar bawah kiri, Kebawah DYMM berkenan bergambar bersama seorang graduan dan kedua-dua ibu bapanya, manakala gambar bawah kanan, baginda berkenan menerima junjung ziarah daripada para pensyarah UBD.



DI ANTARA para ibu bapa dan ahli keluarga graduan yang menghadiri Majlis Konvokesyen UBD tersebut.

PARA graduan UBD menadahkan tangan tanda kesyukuran atas kejayaan mereka menamatkan pengajian masing-masing.

Pro Canselor berangkat menyempurnakan Penganugerahan Diploma

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman, Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUNGKU LINK, Sabtu, 6 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Pro Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) berkenan berangkat menyempurnakan Penganugerahan Diploma pada Majlis Konvokesyen UBD Ke-26.

Majlis Penganugerahan Diploma Lepas Ijazah dan Diploma, Konvokesyen UBD Ke-26 tersebut berlangsung di Dewan Canselor, UBD, di sini.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, selaku Pengerusi Majlis dan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan yang juga Naib Canselor UBD, Dato Paduka Dr. Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi.

Pada majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyempurnakan Penganugerahan Diploma Lepas Ijazah dan Diploma dalam pelbagai bidang kepada seramai 98 graduan mahasiswa-mahasiswi UBD.

Para graduan tersebut terdiri

daripada lepasan graduan Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah yang menerima Diploma Lepas Ijazah Dalam Pendidikan seramai 15 orang, tujuh orang menerima Diploma Dalam Pendidikan Inklusif dari Pusat Pendidikan Lanjutan, Diploma Dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak seramai lima orang dan Diploma Dalam Kaunseling seramai 21 orang.

Sementara graduan dari Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah terdiri daripada graduan Diploma Lanjutan (Penjagaan Kanak-Kanak) seramai lima orang, Diploma Lanjutan Sains Kesihatan (Perbidanan) seramai lima orang, Diploma Sains Kesihatan (Perbidanan) seramai lima orang dan 35 orang dari Diploma Sains Kesihatan (Kejururawatan / Paramedik).

Terdahulu, acara dimulai dengan bacaan Surah Al Faatihah yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal dan seurus selepas itu disusuli dengan keberangkatan perarakan Pro Canselor yang diiringi dengan selawat dan kemudiannya diikuti dengan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

Pada upacara berkenaan, DYTm kemudiannya berkenan mengurniakan Sabda Pengisytiharan Pengurniaan Diploma Lepas Ijazah dan Diploma.

Bagi memberkati majlis, doa

selamat sekali lagi dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid.

Seterusnya Naib Canselor UBD menyebarkan ke hadapan majlis DYTm, Pengisytiharan Penyempurnaan Majlis Konvokesyen Ke-26 telah selesai disempurnakan.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, DYTm berkenan bagi sesi bergambar ramai.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Pro Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) berkenan berangkat menyempurnakan Penganugerahan Diploma pada Majlis Konvokesyen UBD Ke-26.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM dan Pro Canselor UBD berkenan bergambar ramai bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Konvokesyen Ke-26 UBD.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah dan beramah mesra bersama para graduan UBD dan ahli keluarga mereka.



DYTm berkenan mengurniakan ijazah kepada para graduan yang menamatkan pengajian mereka masing-masing (atas dan atas sekali).

Doa kesyukuran bakal jemaah haji Kementerian Pendidikan



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong hadir selaku tetamu kehormat di **Majlis Doa Kesyukuran dan Doa Selamat** bagi 29 orang bakal jemaah haji bagi Kementerian Pendidikan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 September. - Kementerian Pendidikan mengadakan **Majlis Doa Kesyukuran dan Doa Selamat** bagi 29 orang bakal jemaah haji kementerian tersebut yang akan menunaikan ibadah haji tahun ini bagi memohon keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala agar kesemua bakal-bakal jemaah haji di negara ini mendapat

syafaat dan beroleh haji yang mabrur. Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong. Turut hadir di majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji

Yussof bin Haji Ismail.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Masin, Awang Haji Mohd. Zainul Hasramin bin Haji Mohd. Hassan dan disusuli dengan Ceramah Khas bertajuk 'Rahsia Ibadah Haji' yang disampaikan oleh penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Dr. Haji Mohd. Adi Zaky bin Haji Matassim.

Turut disentuh dalam ceramah tersebut ialah mengenai nasihat-nasihat dan amalan-amalan serta persediaan bagi bakal jemaah haji.

Pada majlis tersebut Menteri Pendidikan telah menyampaikan sumbangan derma dan cenderahati kepada bakal-bakal jemaah haji berkenaan yang terdiri daripada pegawai-pegawai, guru-guru dan kakitangan Kementerian Pendidikan.

Majlis diselenggarakan oleh Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan diakhiri dengan bacaan doa kesyukuran dan doa selamat oleh Awang Haji Mohd. Zainul Hasramin.

Juga hadir di majlis itu ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman; Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dato Paduka



MENTERI Pendidikan, semasa menyerahkan sumbangan derma dan cenderahati kepada bakal jemaah haji wanita.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

Dr. Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi; Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato

Seri Setia Haji Abdul Aziz; Pemangku Ketua Pengarah, Awang Haji Abd. Rahim bin Derus, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai dari kementerian berkenaan.

Majlis Doa Selamat bakal jemaah haji



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menyampaikan sumbangan kewangan kepada salah seorang bakal jemaah haji.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 September. - Seramai 400 bakal jemaah haji dari negara ini akan menunaikan Rukun Islam Kelima pada musim haji tahun ini.

Bakal jemaah haji dijangka meninggalkan negara ini bermula 10 September bagi penerbangan pertama, manakala penerbangan kedua dijangka bertolak pada 11 September dengan mengikuti dua buah syarikat perkhidmatan pakej haji iaitu Darussalam Holdings Sendirian Berhad dan Straits Central Agencies.

Sehubungan itu, Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya, pagi tadi, mengadakan **Majlis Doa Selamat** bagi pegawai dan kakitangannya yang bakal menunaikan fardu haji tahun 1435 Hijriah/2014 Masihi, bertempat di Bilik Al-Mahabbah, Kementerian

Perhubungan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah oleh Awang Haji Hanafiah bin Haji Mahmud dari Jabatan Hal Ehwal Masjid.

Seramai lapan pegawai dan kakitangan Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya akan menunaikan fardu haji pada tahun ini.

Pada majlis itu Menteri Perhubungan juga menyampaikan

sumbangan kewangan kepada bakal-bakal jemaah haji berkenaan.

Turut hadir ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunus, pengarah-pengarah bahagian, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai serta kakitangan Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Sebelum berangkat ke Tanah Suci, bakal-bakal jemaah haji negara telah mengikuti kursus mengenai rukun dan wajib haji serta persediaan sebagai persiapan awal menunaikan ibadah haji.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

Rombongan Bi'thah Haji berlepas ke Madinah

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Mahadi Haji Marsidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 September. - Rombongan seramai lima orang Bi'thah Haji Pentadbiran, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan lapan orang dari Bi'thah Haji Perubatan, Kementerian Kesihatan berlepas ke Madinah dengan menggunakan Penerbangan Diraja Brunei yang bertolak pukul 7.55 malam.

Rombongan berkenaan adalah bagi memastikan para jemaah haji negara ini bagi tahun 1435 Hijriah / 2014 Masihi sentiasa dalam keadaan sihat dan memastikan kelancaran urusan mereka, di sepanjang menunaikan Rukun Islam Kelima di Arab Saudi nanti.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Juga hadir ialah Setiausaha Setiausaha Tetap dari KHEU dan Kementerian Kesihatan, Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan sanak saudara rombongan Bi'thah Haji berkenaan.

Bi'thah Haji Pentadbiran diketuai oleh Pengarah Urusan Haji, KHEU, Awang Haji Abdul Kahar bin Haji Hussein, manakala Bi'thah Haji Perubatan dari Kementerian Kesihatan seramai lapan orang



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar hadir selaku tetamu kehormat mengucapkan selamat belayar kepada Bi'thah haji yang berlepas ke Madinah.

diketuai oleh Pakar dan Ketua Jabatan Perubatan Rawatan Rapi, Dr. Muhammad Syafiq bin Abdullah.

Bagi memohon keberkatan dan keselamatan pemergian rombongan tersebut, doa selamat dibacakan oleh Guru

Ugama Rombongan Bi'thah Haji Pentadbiran, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Abdul Ghani.

Kerajaan Arab Saudi tahun ini telah menetapkan kuota rasmi negara seramai 400 jemaah sahaja bagi negara ini

yang mana penerbangan pertama jemaah haji dijangka akan bertolak pada 10 September 2014.

Penetapan kuota yang diadkan oleh Kerajaan Arab Saudi adalah bagi memastikan keselamatan dan keselesaan

para jemaah haji memandangkan kerja-kerja menaik taraf dua buah masjid suci iaitu Masjidil Haram di Mekah Al-Mukarramah dan Masjid Nabawi di Madinah Al-Munawwarah masih dalam pelaksanaan.

Kementerian Hal Ehwal Ugama mempersembahkan Khatam Al-Qur'an 68 Kali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 September. - Seramai 2,040 orang pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) mempersembahkan Khatam Al-Qur'an 68 Kali sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68.

Majlis berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah di Kampung Kiarong.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran

Haji Abdul Rahman.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah yang dikepalai oleh tetamu kehormat majlis dan diteruskan dengan majlis khatam sebanyak 68 kali.

Kemudian bacaan doa khatam dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa bin Haji Murat.

Majlis seterusnya diserikan dengan Dikir Marhaban yang dibawakan oleh pegawai-pegawai dari Jabatan

Pengajian Islam (JPI) dan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz.

Majlis Khatam Al-Qur'an 68 Kali tersebut adalah sebagai sumbangan khas yang ikhlas ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar baginda, negara dan segala isi di dalamnya sentiasa dalam keberkatan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman hadir di Majlis Khatam Al-Qur'an 68 Kali sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-68 bagi pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.



SEBAHAGIAN daripada peserta wanita yang terdiri dari pegawai dan kakitangan KHEU hadir di Majlis Khatam Al-Qur'an 68 Kali sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-68.

Martabatkan Jawi sebagai bentuk tulisan dalam bahasa Melayu



KETUA Kokurikulum Daerah Tutong, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Awang Haji Hairul Absah bin Haji Abd. Lahai menyampaikan hadiah kepada pemenang bagi Kategori Perempuan Pertandingan Membaca Jawi Sekolah - Sekolah Rendah Bagi Zon Tutong I Tahun 2014 iaitu Dayang Nuris Sofiya binti Hamdani dari Sekolah Rendah Muda Hashim.

Oleh : Aryentty Haj Ariffin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Rabu, 3 September. - Negara Brunei Darussalam telah menjadikan jawi sebagai salah satu bentuk tulisan dalam bahasa Melayu dan sehingga kini pemertabatan dan pemeraksaannya masih dipertahankan penggunaan dan pemakaiannya, di samping dikembangkan demi untuk menjaga warisan tersebut daripada hilang ditelan zaman.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Ketua Unit Akli, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Dayang Hajah Hajidah binti Haji Abdul Wahab pada Majlis Pertandingan Membaca Jawi Sekolah-Sekolah Rendah Bagi Zon Tutong I Tahun 2014 di Dewan Sekolah Rendah Binturan, Tutong I.

Menurut Dayang Hajah Hajidah pertandingan tersebut antara lain bertujuan untuk menanam kesedaran tentang kepentingan bacaan Jawi, di samping mengetengahkan kemahiran dan bakat membaca Jawi dalam kalangan pelajar selain membarigakan bacaan Jawi sebagai salah satu wadah pendidikan seperti yang terkandung di dalam dimensi kemahiran SPN21 serta meningkatkan penguasaan bahasa Jawi dalam kalangan pelajar.

Dalam pada itu katanya, pertandingan tersebut juga adalah sebagai usaha untuk memastikan kesinambungan penggunaan ejaan Jawi dalam kalangan pelajar.

Ke arah itu, beliau berharap agar penglibatan dan penyertaan para pelajar akan berterusan dan akan lebih meningkat lagi dalam pertandingan yang akan datang terutama dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah swasta, di samping kemahiran tersebut akan terus diasah dari semasa ke semasa.

Pertandingan yang julung-julung kalinya diadakan oleh Jabatan Pendidikan melalui Unit Akli tersebut menyediakan sebanyak 35 buah teks bacaan bagi pilihan untuk 24 orang peserta.

Pertandingan yang dibahagikan kepada dua kategori, lelaki dan perempuan tersebut disertai oleh 12 buah sekolah terdiri daripada murid-murid Tahun 3 hingga 6.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah ialah Ketua Kokurikulum Daerah Tutong, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Awang Haji Hairul Absah bin Haji Abd Lahai.

Johan bagi Kategori Lelaki jatuh kepada Awang Md. Siddiq Al-Minsyawi bin Ma'mun Halimizain dari Sekolah Rendah Sinaut dan diikuti tempat kedua oleh Awang Sahdyam bin Samahli dari Sekolah Rendah Binturan, manakala tempat ketiga dimenangi oleh Awang Mohammad Akmal Sirajuddin bin Abdul Hamid dari Sekolah Rendah Lamunin.

Bagi Kategori Perempuan, johan disandang oleh Dayang Nuris Sofiya binti Hamdani dari Sekolah Rendah Muda Hashim, tempat kedua diraih oleh Dayang Rossfara Sheilina binti Roslan dari Sekolah Rendah Tutong Kem dan tempat ketiga dimenangi oleh Dayang Fatin Nazihah binti Ariffin dari Sekolah Rendah Kampung Menengah, Tutong I.

Menanai kesinambungan penggunaan ejaan Jawi



PEGAWAI Pelajaran Kanan Daerah Brunei I, Awang Haji Suhaili bin Haji Jaafar menyampaikan hadiah kepada juara Kategori Lelaki Pertandingan Bacaan Jawi Sekolah-Sekolah Rendah Kawasan Brunei I, Awang Muhd. Hafiz Muizzuddin bin Haji Hishamuddin (kiri) dan juara Kategori Perempuan ialah Dayang Ramliana Erika binti Haji A Ramly (kanan).



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ihsan Brunei Times

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 30 Ogos. - Awang Muhd. Hafiz Muizzuddin bin Haji Hishamuddin dan Dayang Ramliana Erika binti Haji A Ramly masing-masing menjuarai Pertandingan Bacaan Jawi Sekolah-Sekolah Rendah Kawasan Brunei I yang berlangsung di Sekolah Rendah Mabohai, Brunei I, di sini.

Juara Kategori Lelaki dengan memperoleh markah sebanyak 77 peratus merupakan pelajar Tahun 6 dari Sekolah Rendah St. Andrews, manakala juara Kategori Perempuan dengan markah 82.7 peratus disandang oleh pelajar Tahun 5, Sekolah Rendah Datu Ahmad.

Naib juara bagi Kategori Lelaki disandang oleh Awang Irma Muhamad Qamarul Syafiq bin Haji Matussin, pelajar Tahun 5 dari Sekolah Rendah Pintu Malim dengan mengutip 73.7 peratus diikuti tempat ketiga oleh Awang Muhd. Amir Huzaifah bin Samsul, pelajar Tahun 4 dari Sekolah

Rendah Haji Tarif dengan memperoleh 73.33 peratus.

Sementara, naib juara bagi Kategori Perempuan diraih oleh Dayang Fatin Qistina binti Abdul Rahim, pelajar Tahun 6 dari Sekolah Rendah St. Andrews dengan markah 79.33 peratus dan pelajar Tahun 5 dari Sekolah

Rendah Puser Ulak dengan markah 79 peratus, Dayang Nurul Aini Hasyim Munthe Borneo binti Haji Ahmad Hasyim mendapat tempat ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang ialah Pegawai Pelajaran Kanan Daerah Brunei I, Awang Haji Suhaili bin Haji Jaafar.

Guru Besar Sekolah Rendah Mabohai, Brunei I, Dayang Salinawati binti Md. Zainal dalam ucapannya menjelaskan selain

daripada usaha memastikan kesinambungan penggunaan ejaan Jawi dalam kalangan para pelajar, pertandingan ini juga bertujuan menanam minat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai kepentingan tulisan Jawi di Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan pada 14 Januari 1991.

Menurutnya, pertandingan ini juga bertujuan untuk membariga bacaan Jawi sebagai salah satu wadah pendidikan seperti yang terkandung di dalam dimensi kemahiran Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21) dan menanam kesedaran tentang kepentingan bacaan Jawi dalam kalangan para pelajar.

Pertandingan juga jelasnya ialah untuk meningkatkan penguasaan bacaan Jawi dalam kalangan para pelajar, di samping mengetengahkan kemahiran dan bakat membaca Jawi, selain diharap dapat menarik minat kalangan pelajar untuk mendalami bacaan Jawi dan suatu hari nanti penggunaan huruf Jawi dapat diaplikasikan dalam kehidupan semua.

Pertandingan yang dianjurkan oleh Jabatan Kokurikulum Bahagian Akli itu melibatkan 12 buah sekolah kerajaan dan dua buah sekolah bukan kerajaan kawasan Brunei I yang mana setiap sekolah diwakili oleh dua peserta iaitu seorang pelajar lelaki dan perempuan.



PERTANDINGAN Bacaan Jawi Sekolah-Sekolah Rendah Kawasan Brunei I yang berlangsung di Sekolah Rendah Mabohai, Brunei I, turut diserikan dengan persembahan pentas daripada murid-murid sekolah berkenaan.

Pemenang pertandingan 'I Love Brunei' terima hadiah

Oleh : Mohammad Arif Matali
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 September. - Peserta Akhir Pertandingan The Brunei Times 'I Love Brunei Darussalam 2014' telah menerima hadiah masing-masing pada Majlis Penyampaian Hadiah dan Pameran yang berlangsung di Pusat Membeli-belah Times Square, di sini.

Pemenang Kategori Sekolah Rendah, tempat pertama diterima oleh Dayang Siti Nursyafiqah binti Jefri, menerima (Akaun simpanan sebanyak BND800, iPod dan piala) tempat kedua ialah Jiro Miguel Oliveros (Akaun simpanan sebanyak BND600, iPod dan piala) dan ketiga ialah Jason Khook Lik Wei (Akaun simpanan sebanyak BND300, iPod dan piala).

Pemenang Kategori Sekolah Menengah, tempat pertama diterima oleh Yeo Yeo, menerima (Akaun simpanan sebanyak BND1,000, iPod dan piala), tempat kedua ialah Dayangku Amiratul Wajihah binti Pengiran Zainin (Akaun simpanan sebanyak BND800, iPod dan piala) dan ketiga ialah Dayang Hamizah binti Sani (Akaun simpanan sebanyak BND500, iPod dan piala).

Bagi pemenang Kategori Terbuka jatuh kepada Awang Haji Dayang bin Haji Mutalip dengan menerima (Akaun simpanan sebanyak BND3,000, iPad, CBTL Coffee

machine & Capsules dan piala); tempat kedua ialah Awang Marshidi bin Omar (Akaun simpanan BND2,000, iPad mini, CBTL Coffee machine & Capsules dan piala) dan tempat ketiga ialah Awang Kassim bin Ismail (Akaun simpanan BND1,000, iPod, CBTL Coffee machine & Capsules dan piala).

Bagi Pertandingan Fotografi telah dibahagikan kepada dua kategori: Terbuka (21 tahun ke atas) dan Belia (bawah 21 tahun).

Sebanyak 224 penyertaan telah diterima bagi kedua-dua kategori dan 38 gambar telah dipilih sebagai peserta akhir.

Manakala Pertandingan Foto Lama menerima 45 penyertaan dan daripada jumlah itu, 17 berjaya ke perlawanan akhir.

Pemenang bagi Kategori Terbuka dimenangi oleh Awang Junidi bin Abdullah dengan menerima hadiah bernilai BND6,000 tempat kedua diterima oleh Awang Haji Ali Hamzah bin Haji Gafar sebanyak BND4,000 dan Awang Alisahrin bin Haji Mumin memenangi tempat ketiga dengan BND3,000.

Sementara pemenang Kategori Belia dimenangi oleh Dayang Nurul Naziratul Shafiqah binti Amri dengan menerima hadiah bernilai BND3,000

tempat kedua diterima oleh Awang Farid Hardi bin Abdullah sebanyak BND2,500 dan Dayang Siti Amirah binti Abdul Aziz memenangi tempat ketiga dengan BND1,500.

Hadiah bagi lima pemenang terbaik dalam Kategori Foto Lama pula masing-masing akan memenangi akaun simpanan Bank Baiduri bernilai BND1,000 dan trofi ialah Awang Haji Rusdi bin Haji Abdul Latif, Awang Haji Domeng bin Haji Abdul Wahab, Awang Mohammad Hazman bin Haji Musa, Dayang Nurul Hafizah binti Suhaili dan Awang Mohammad Hasnan bin Suhaili.

Pemenang bagi Kategori 'A' Video (25 tahun ke atas) dimenangi oleh Eileen Lee Xin Yee dengan menerima (Akaun simpanan sebanyak BND3,000 Komputer Dell dan piala) dan Kategori 'B' (Berkumpulan) dimenanagi oleh Visionary Project, juga menerima (Akaun simpanan sebanyak BND3,000, Komputer Dell dan piala).

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah kepada pemenang ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajjah Adina binti Othman.

Para pemenang bagi setiap kategori



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menyampaikan hadiah kepada pemenang Foto Terbaik.

yang dipertandingkan terdiri daripada Pertandingan Lukisan, Fotografi dan Foto Lama.

Pemenang untuk 'I Love Brunei' Pertandingan video, yang telah diadakan pada bulan Jun lalu, juga menerima hadiah mereka.

Pertandingan ini telah diadakan sebagai *platform* untuk melahirkan kecintaan kepada negara melalui lukisan, fotografi atau videografi.

Dengan bertemakan 'My Vision, Green Brunei', pertandingan lukisan Brunei Times ini dibahagikan kepada tiga kategori, Kategori Sekolah Rendah dengan 185 penyertaan, Kategori Sekolah Menengah dengan 158 penyertaan, bagi Kategori Terbuka sebanyak 46 penyertaan.

Daripada 389 penyertaan, 60 peserta berjaya melepasi ke pusingan akhir pertandingan lukisan itu.

Urus kewangan dengan bijak

LAMBAK KIRI, Rabu, 3 September. - Lebih 150 guru-guru dan kakitangan Sekolah Menengah Lambak Kiri telah didedahkan untuk memahami kewangan mereka dengan lebih baik.

Taklimat telah disampaikan oleh Unit Pengurusan Kekayaan (WMU) Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), sebagai sebahagian daripada matlamat untuk membantu orang ramai memahami kewangan masing-masing.

Ceramah tersebut disampaikan oleh Pegawai WMU BIBD, Dayang Rozielawati binti Haji Jamil di sekolah berkenaan.

Salah satu motif ceramah adalah untuk mendidik orang ramai mengenai pentingnya pengurusan kewangan dengan bijak dan menyarankan mereka supaya mula menabung.

Dalam ceramah tersebut, Dayang Rozielawati menggalakkan dan menekankan tentang kepentingan penjimatan dan perancangan kewangan yang bersistematik untuk mencapai matlamat masing-masing.

Ceramah itu selaras dengan peranan BIBD sebagai institusi kewangan Brunei yang bertanggungjawab memberi kemudahan dalam perancangan kewangan serta menggalakkan orang ramai ke arah amalan perancangan kewangan yang lebih berhemat.

BND3,000 tunai, trofi dan sijil, hadiah ketiga akan menerima BND2,000 wang tunai, trofi dan sijil sementara tiga hadiah saguhati akan menerima wang tunai BND250 berserta sijil.

Walau bagaimanapun dalam Anugerah Khas – Anugerah CIPTA Pengiran Muda Mahkota - Pemenang daripada Kategori 1 dan 2 akan layak untuk bersaing dengan pemenang dari kategori baru iaitu Kategori Inovasi dan Reka Cipta Baru ASEAN bagi penganugerahan Anugerah Khas Pengiran Muda Mahkota untuk memenangi hadiah utama sebanyak BND10,000 dan Trofi.

Namun terdapat perubahan kecil dalam struktur hadiah pada Pertandingan Smart Junior seperti berikut yang mana hadiah pertama akan menerima wang tunai berjumlah BND1,000 dan sijil; hadiah kedua akan menerima BND800 tunai dan sijil, hadiah ketiga akan menerima BND500 wang tunai dan sijil dan tiga hadiah saguhati akan menerima wang tunai sebanyak BND200 dan sijil.

Pihak penganjur CIPTA juga ingin mengambil kesempatan untuk mengumumkan bahawa berdasarkan saranan hakim dari panel CIPTA, pemenang Pertandingan Anugerah CIPTA Pengiran Muda Mahkota 2015

daripada Kategori 1, 2 dan 3 berkemungkinan akan ditawarkan bantuan kewangan untuk mengambil bahagian dan mengikuti acara yang sesuai di Ekspo Teknologi Malaysia 2016 nanti.

Anugerah CIPTA Pengiran Muda Mahkota merupakan pertandingan yang dianjurkan oleh ITB dengan kerjasama Brunei LNG Sendirian Berhad sebagai rakan kongsi dan penaja.

Antara objektif utama anugerah ini adalah bagi merangsang dan menggalakkan daya kreativiti dan inovasi bagi pembangunan Brunei Darussalam serta mengenal pasti dan mengiktiraf bakat-bakat kreatif dan inovatif di negara ini, di samping untuk mengembangkan penyelidikan dan perkembangannya seterusnya membudayakan atau menerapkan budaya sains, kejuruteraan dan teknologi dalam kalangan para belia.

Tema CIPTA pada tahun ini adalah ‘Towards a Smart Nation’, yang mana tema ini menekankan kepentingan dalam menyokong wawasan negara untuk memupuk masyarakat yang inovatif yang akan menghasilkan pelbagai ekonomi yang mampan berdasarkan pengetahuan budaya dan inovasi.

Anugerah CIPTA perkenal Kategori ASEAN



PENGERUSI Pertandingan Anugerah CIPTA Pengiran Muda Mahkota 2015, Awang Haji Ady Syarmin bin Haji Mohd. Taib (dua dari kanan) ketika berucap pada Sidang Media Pertandingan Anugerah CIPTA Pengiran Muda Mahkota 2015.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUNGKU, Rabu, 3 September. - Pertandingan Anugerah CIPTA Pengiran Muda Mahkota 2015 kini memperkenalkan satu kategori baru yang dinamakan Kategori ASEAN.

Kategori itu diperkenalkan berdasarkan dengan beberapa rasional seperti memberikan peluang persaingan yang sihat dan penanda aras di antara pesaing tempatan dengan rakan-rakan ASEAN, selain itu ia juga dapat meningkatkan lagi kualiti ciptaan tempatan dengan menggalakkan inovasi dan kreativiti.

Hal tersebut dijelaskan pada Sidang Media Pertandingan Anugerah CIPTA Pengiran Muda Mahkota 2015 di Bangunan Perpustakaan Institut Teknologi Brunei (ITB) oleh Pengerusi Pertandingan, Awang Haji Ady Syarmin bin Haji Mohd. Taib, di sini.

Jelasnya, kategori ini juga akan turut memberikan pendedahan di peringkat antarabangsa untuk Anugerah CIPTA Pengiran Muda Mahkota dalam usaha untuk membina reputasi serantau.

Kategori ASEAN adalah terbuka kepada peserta daripada ASEAN selain daripada peserta Negara Brunei

Darussalam. Kategori tersebut mempunyai dua sub-kategori iaitu Kategori Inovasi dan Reka Cipta Baru dan Kategori Pencipta Muda (Young Inventor Category).

Tambahnya, Kategori Inovasi dan Reka Cipta Baru meliputi semua produk baru, proses atau teknologi bagi kepentingan kegunaan masyarakat atau alam sekitar.

Pertandingan itu dibukakan kepada individu dan secara berkumpulan dari bahagian Sains, Teknologi dan bidang Kejuruteraan.

Pemenang kategori tersebut akan dianugerahkan dengan Anugerah Inovator dan Rekacipta Terbaik yang akan menerima hadiah wang tunai berjumlah BND8,000 dan trofi.

Manakala bagi Kategori Pencipta Muda, ia terbuka kepada pelajar menengah atas (yang berumur di antara 15 hingga 18 tahun) yang meliputi semua produk, proses atau teknologi yang berguna yang boleh memperbaiki atau meningkatkan fungsi atau kualitinya kepada masyarakat dan / atau persekitaran.

Pemenang kategori ini akan dianugerahkan Anugerah Pencipta

Muda yang akan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah BND4,000 dan trofi.

Menyentuh mengenai perubahan pada struktur hadiah, Awang Haji Ady Syarmin menjelaskan, struktur hadiah yang sedia ada telah disemak semula dan yang baru telah diperkenal berdasarkan beberapa rasional seperti struktur hadiah yang baru adalah baik dari segi penyediaan insentif kewangan tambahan kepada pemenang untuk memajukan lagi hasil ciptaan seni.

Selain itu, struktur baru ini juga menunjukkan bahawa pihak penganjur menghargai idea-idea, usaha serta pelaburan yang para peserta telah hasilkan dalam reka bentuk ciptaan mereka, di samping ia juga bertujuan untuk mencetuskan minat yang lebih mendalam dan menggalakkan penyertaan yang mempunyai standard yang tinggi.

Struktur hadiah baru tersebut adalah bagi Kategori 1 – Mewujudkan Produk Baru, Proses atau Teknologi - Hadiah pertama akan menerima wang tunai BND8,000, trofi dan sijil; hadiah kedua akan menerima wang tunai BND6,000, trofi dan sijil; hadiah ketiga akan menerima wang tunai BND4,000, trofi dan sijil, sementara dua hadiah saguhati akan menerima wang tunai BND500 berserta sijil.

Sementara itu, dalam Kategori 2 - Mengubah Suai Produk Sedia Ada, Proses atau Teknologi - hadiah pertama akan menerima BND8,000 tunai, trofi dan sijil, hadiah kedua akan menerima wang tunai BND6,000, trofi dan sijil, hadiah ketiga akan menerima BND4,000 wang tunai, trofi dan sijil serta dua hadiah saguhati akan menerima wang tunai BND500 dan sijil.

Dalam Kategori 3 pula, mewujudkan produk baru atau Mengubah Suai Produk Sedia Ada, Proses atau Teknologi oleh Pencipta Muda - Hadiah Pertama akan menerima wang tunai berjumlah BND4,000 berserta trofi dan sijil, hadiah kedua akan menerima

سروا سوتي

أكتا فنديدين واجب فشكل 2011

واهي قوم مسلمين يغ درحمي الله،

ماريله كيت منيكتكن كفتوان كيت كفت الله سبحانه وتعالى دغن فنه كيقين دان كإخلاص دغن ملاكو كن سكل سوروهن دان منيكتكن سكل لاراغن. مدهمدهن كيت منجادي إنسان يغ برتقوى دان برلمان سرت سلامة دنيا دان سلامة دآخرة.

مسلمين يغ درحمي الله،

سسغكوهن الله سبحانه وتعالى مها فغاسيه دان مها فبايغ كفت همبا 2 دغن مليمتكهن نعمة يغ تيدق تركيرا بايقن. سلاكو همبا الله يغ برلمان، مك كيت واجبله برشكور دأوس أنكره ترسبوت كران تنقان كيت تيدق موغنكن دافة هيدوف بهكيا دنيا اين. دأتارا أنكره الله يغ أمة برهاك كفت كيت آياله أنق. أنق مروفاكن كرنيا دان نعمة يغ دكرنياكن الله سبحانه وتعالى كفت دمان كيت دأمانهكن انتوق منجاك دان مليهاران دغن سبايك 2. فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة التحريم آية 6:

تفسير:

واهي اورغ 2 يغ برلمان! فليهاراله ديري كامو دان كلوارك كامو درفد آفي نراك يغ باهن باكرن إياهه مأنسي (اورغ كافر) دان باتو 2 برهلا، فنجاكن إياهه ملائكة 2 يغ كاسر لاكي كرس لاينن، مريك تيدق مندرهاك كفت الله ترهادف اف جوا دفرينتهكن كفت مريك دان مريك فول تتف ملاكو كن اف يغ دفرينتهكن.

دري آية ترسبوت، جلس كفت كيت بهوا اداله منجادي تغكوغواب كيت سباكي إيبوباف مليهارا دان منديديق كلوارك خاصن أنق 2 كيت سفاي منجادي أنق يغ صالح دان بركونا دغن جالن ميريكن فنديدين يغ سمقرنا.

فنديدين يغ سمقرنا أمة مستحق ديريكن كفت أنق 2 دان كران كفتينغن ايتله أكام إسلام تله مغنحوركن أومتغن سفاي مرفكن علم أكام كفت أنق 2 سجن مريك دالم كندوغن دمان إيبو 2 يغ مغندوغ دكالقكن أنتوق مباح آية 2 سوجي القراءن سباكي ديديقن روحاني كفت أنق يغ دالم كندوغن ايت. ستله دلاهيركن فول، سنة دأذانكن فد تليغا كانن دان دإقامهكن فد تليغا كيري أنق 2 ترسبوت دان سنة جوك دباجن سورة الإخلاص فد تليغا أنق ترسبوت سفاي كلمه يغ مولا 2 ددغر اوله مريك ستله لاهير دنيا اين اداله كلمه توحيد. دتمقيغ ايت أخلاق يغ مليا جوك هندقله دسماي كجوا أنق 2 سدري مريك ماسيه كجيل لاكي.

إيبوباف جوك اداله برتغوغواب ميريكن ديديقن دان علم فغتهوان كفت أنق 2 مريك. علم فغتهوان اداله سوات يغ ساعة فنتيغ دالم كهيدوفن مأنسي، كران ايت رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا:

مقصود:

دري أنس بن مالك اي بركات: سبدا رسول الله صلى الله عليه وسلم: منتوت علم اداله ساتو كفرضوان كاتس ستيف مسلم.

مسلمين يغ درحمي الله،

تنقا علم فغتهوان، هيدوف مأنسي سفرت دالم ككلفن كران علم ايت اداله جهيا يغ منرغي كهيدوفن. تنقا علم، كهيدوفن مأنسي تيدق اكن ماجو دان تنقان مأنسي تيدق دافة ميذاكن أئارا كبران دغن كباطيلن، دان دغن علم سهاجله سستورغ موده ترسلامة تري تيقو دايا شيطان. فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة البقرة آية 269:

تفسير:

دي (الله) ميريكن حكمه كفت سسياف يغ دكهنديقن، دان سسياف يغ ديريكن حكمه ايت، مك سسغكوهن دي تله ديريكن كبايجقن يغ بايق. دان تيادله يغ دافة مغمبيل فغاجران ملاينكن اورغ 2 يغ مقوياري عقل يغ دافة ميكر دان مامهين.

والوفون فنديدين ايت برمولا تري رومه، اكن تنافي دالم كونيك س يغ اد فد هاري اين، ساله ساتو أوسها ميريكن فنديدين يغ بايك دان سمقرنا كفت أنق 2 إياهه دغن مغهنر مريك كسكوله دغن هارفن أكر أنق 2 دافة مفلاجري علم 2 دنيا دان أخيرة، دغن كدوا 2 علم اين نني أنق 2 اكن منجادي مأنسي يغ بركونا كفت أكام، بغسا دان نكارا.

فنديدين فورمل دسكوله 2 مقوياري فلباكي فندكن دان سيستم، أئاران إياهه سيستم فنيلاين دان ففريقسان. اداله دمعلومي برسام بهوا دالم جفكا وقت يغ تردكت اين سهاكين تري فلاجر 2 دسكوله رنده اكن مندودوي ففريقسان فنيلاين سكوله رنده (PSR)، ياييت ساتو سيستم فنيلاين انتوق مغوجي كفاهمن دان كيركسنن فغاجران كورو يغ تله منديديق مريك سلما أتم تاهون سبلومن.

دالم هوبوغن اين، اداله دهارفكن فارا إيبوباف دان كلوارك اكن دافة ممستيكن أنق 2 مريك يغ سدغ براد دبغكو سكوله اكن تكون مغحاضيري دان مغيكوتي سرت مغولفكاجي فلاجران مريك دسكوله، ليه 2 لاكي باكي فلاجر 2 يغ اكن مندودوي ففريقسان برتوليس فد تاهون اين.

مسلمين يغ درحمي الله،

دالم أوسها انتوق ممستيكن سموا كانق 2 يغ تله برعمور أتم تاهون مغحاضيري فرسكوهن مريك، مك ساتو فريته فنديدين واجب تله دقواكواسكن سجن تاهون 2007، دان فد تاهون 2011 فريته اين تله دتوكر منجادي فنديدين واجب.

كباوه دولي يغ مها مليا فادك سري بكندا سلطان دان يغ دفتوان نكارا بروني دارالسلام تله برتبه سمقنا ميمبوت تاهون بارو مسيحي 2013، أئارا تيه بكندا: " اينله دأتارا أوسها كيت انتوق مندافتكن سومر تناك يغ بركواليي، خاصن تري كالغن فارا فلاجر. نامون أوسها اين سوكر أنتوق برحاصل، جك كيت كاكل مفرلفكفكن أنق 2 سكوله دغن كماهيران 2 أساس سفرت مباح، منوليس دان مغرا. اين فنتيغ دان سكاليكوس فرلو دجاديكن بودايا. كران بغسا يغ ماجو، مريك ايت فستي قواة مباح، بايق منوليس سرت فنديدي مغرا".

مسلمين يغ درحمي الله،

دغن ادان فريته فنديدين اين مننحوقكن كسن يغ ممفو مغحاصلكن مودل إنسان يغ بر 2 بوله مبابوا نكارا كتاهف فمباغونن يغ ليه بايك دان بركسن باكي ميبنتوق دان مغمبغن ميندا، جيو دان روحاني كاره مغلي ديري دان منجايي تاهف كهيدوفن برمشاركة يغ سمقرنا.

كمنزين فنديدين اكن سنتياس ميري فراهاتن يغ مبلوروه كفت سموا فريغكة فلاجر أكر تيدق اد يغ ترلفس فندغ، أفته لاكي ترجيجر درفد ماسوقي فرسكوهن فريغكة رنده دان منغه دالم تيمفوه فغواكواسان فنديدين واجب.

ملالوي أكتا فنديدين واجب اين فارا إيبوباف يغ كاكل مغهنر أنق مريك يغ تله منجوكوي عمور واجب برسكوله اكن دكناكن حكومن دنيا كاواغن اتو بوله دكناكن حكومن يغ ليه برت درفد ايت.

اوله يغ دمكين، اداله دسارنكن دان دفرينتهكن كفت سموا إيبوباف دان أهل كلوارك أكر دافة سام 2 مناني أمانه دان تغكوغواب اين سفاي دغن اكن مودهكن فنجافين واواسن نكارا 2035 يغ مملوكن وركا يغ بركماهيران دان برفنديدين تيغكي.

مسلمين يغ درحمي الله،

سسغكوهن علم ايت ساعه برهرك، بهكن اي مروفاكن كونجي كفت ككميلغن فمادون سوات بغسا. علم تيدق اكن دفرأوليهي جك تيدق دجاري دان دفلاجري. اوله ايت سموا اورغ فرلو برأوسها منجاري دان منتوت علم سبايق موغنكن دان تروس منيكتكن تري سماس كسماس. أخيرن سام 2 له كيت بردعاء سموك كيت تركولوغ تري كالغن اورغ 2 يغ دأكرهكن علم فغتهوان اوله الله سبحانه وتعالى دان ستروسن اكن مندافة كحيان دنيا دان دأخرة، آمين يا رب العالمين.

تفسير:

الله منيكتكن اورغ 2 يغ برلمان أئارا كامو دان اورغ 2 يغ ديري علم فغتهوان أكام بيراف درجة. دان الله مها تليي ترهادف اف يغ كامو كرجاكن.

Qanun Jenayah Syar'iah: Satu Pengenalan

SAMBUNGAN

Mendengar ini al-Ma'mun berkata:

Ertinya: “*Aku maafkan engkau, wahai budak! Berkata lagi hamba.*”

Maksud dan tafsirnya: *Wahai Amirul-Mu'minin, adakah tidak Tuan membaca firman Allah Ta'ala: “Dan (ingatlah) Allah itu adalah mengasihi orang-orang yang melakukan perkara-perkara yang baik.”*

Mendengar ini, al-Ma'mun lalu berkata:

Ertinya: “*Pergilah engkau, wahai budak! Engkau sekarang merdeka (aku merdekakan) demi kerana mengharapkan redha Allah jua, dan untukmu (daripadaku) seribu dirham.*”

Kejadian ini sebenarnya adalah satu kes di mana al Ma'mun adalah hakimnya. Dalam masa menghakimi inilah, al-Ma'mun bersegera mengatasi marahnya dan dia berjaya. Inilah contoh hakim yang memenuhi tuntutan syara', bahawa al-Ma'mun sangat memahami tuntutan tersebut.

5. Hakim atau qadhi tidak dibolehkan mengadili dalam keadaan lapar, dahaga atau terlalu kenyang, kerana semua itu boleh mengganggunya untuk mengenali kebenaran.

6. Hakim atau qadhi tidak dibenarkan membeza-bezakan di antara dua orang yang berselisih dalam perkara “tempat duduk.” Hakim mesti mendudukan mereka sama-sama di hadapannya, bukan dua-dua di sebelah kanan atau dua-dua di sebelah kiri. Jika salah satu ini dilakukan bermakna seorang akan berada lebih dekat kepada hakim dan yang seorang lagi jauh. Begitu juga tidak boleh mendudukan seorang di sebelah kanan dan seorang lagi di sebelah kiri, kerana yang duduk di kanan tentu saja akan berperasaan lebih terhormat daripada lawannya yang di kiri. Ini terkesan dalam riwayat: Bahawa Sayyidina ‘Umar dan Ubai bin Ka'ab Radhiallāhu ‘anhumā pernah berselisih tentang suatu perkara dan mereka itu diadili oleh Zaid bin Tsabit. Zaid telah memberikan bantal kepada ‘Umar sedang kepada Ubai tidak. Lalu berkata ‘Umar: “Inilah awal mula kezalimanmu.” ‘Umar mengecam hakim Zaid bin Tsabit, sambil bertindak mengambil tempat duduk di hadapan hakim, Zaid.

Lihatlah, saudara! Sampai begitu sekali Islam memperinci keadilan. Adakah ini juga terdapat di dalam undang-undang lain? Adakah ia juga turut diambil kira oleh undang-undang ciptaan manusia akan disiplin atau etika seumpama ini? Rasa-rasanya tidak, ya tidak!

7. Hakim atau qadhi diperlukan mempunyai pendamping atau dalam istilah biasa “pengapit”, untuk membantu memberikan pendapat. Hakim akan berbincang dengan mereka sebelum menetapkan atau memutuskan sesuatu hukuman. Pendamping atau pengapit itu di sini disyaratkan mereka itu ahli fiqh (ahli yang mahir tentang hukum-hakam Islam). Mereka ini sebagai tempat rujukan dan kawan bermesyuarat dengan hakim. Ini, sama sekali tidak mencacatkan kewibawaan hakim, kerana Rasulullah Shallallāhu ‘alaihi wasallam pun bermesyuarat, sebagaimana Abu Hurairah Radhiallāhu ‘anhu meriwayatkan, katanya: “Aku tidak pernah melihat seseorang selepas Baginda yang lebih banyak melakukan mesyuarat dengan para sahabat.” Ini adalah selaras dengan gesaan Allah, dalam firmanNya:

Tafsirnya: “*Dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal ehwal keduniaan dan tentu saja termasuk urusan kehakiman).*”

Sesungguhnya mesyuarat itu adalah pengantar kepada jalan petunjuk.

8. Seorang hakim atau qadhi tidak boleh menerima hadiah daripada orang yang berselisih yang diadili.

9. Hakim atau qadhi dituntut untuk mengucapkan salam kepada orang-orang yang berselisih yang diadili ketika dia memasuki ruang mahkamah, kerana dalam itu sunnah Islam, dan dengannya juga, akan memberi imej baik kepada hakim, selaku hakim yang benar-benar hakim kerana Allah Ta'ala. Tetapi janganlah salam itu dikhususkan hanya kepada seorang sahaja di antara mereka, melainkan mesti kepada kedua-duanya sekali.

Demikian serba ringkas antara beberapa contoh etika hakim Muslim.

PERBEZAAN DI ANTARA UNDANG-UNDANG JENAYAH SYAR'IAH DAN UNDANG-UNDANG JENAYAH SIVIL

Apakah perbezaan di antara Undang-Undang Jenayah Syar'iah dan Undang-Undang Jenayah Sivil itu? Undang-Undang Jenayah Syar'iah datang langsung daripada Allah, digubal untuk manusia oleh Allah sendiri, sementara Undang-Undang Jenayah Sivil pula kebanyakannya datang dari Barat dan digubal oleh manusia.

Di negara ini seperti juga di negara jiran misalnya, undang-undang jenayah kebanyakan diperuntukkan dalam qanun keseksaan yang diambil daripada qanun keseksaan tertentu, berasal daripada Common Law of England.

Selain qanun keseksaan, undang-undang jenayah juga didapati dalam akta-akta tertentu seperti akta kastam dan eksais, akta dadah berbahaya, akta rasuah, akta rahsia rasmi dan lain-lain. Dilengkapi lagi

dengan akta keterangan dan lain-lain akta berkaitan mahkamah.

Sudah tentu perbezaan di antara kedua-dua undang-undang ini sangat ketara disebabkan sumbernya yang berlainan. Di antara perbezaan itu ialah:

1. Undang-Undang Jenayah Syar'iah datangnya daripada Allah, sedang Undang-Undang Jenayah Sivil dicipta oleh manusia. Tentu saja perbezaan itu pasti wujud kerana Allah sebagaimana kita sama-sama maklum mempunyai segala sifat kesempurnaan, tentu saja undang-undangNya juga berstatus paling sempurna. Nisbah Allah itu dengan manusia selaku makhluk ciptaanNya tentu saja Dia itu adalah Maha Tahu, mustahil Allah tidak tahu akan kesesuaian undang-undang ini untuk manusia. Berbeza dengan undang-undang jenayah ciptaan manusia sendiri, sentiasa terdedah kepada seribu satu macam kelemahan dan kekurangan. Berdasarkan hakikat mereka itu adalah serba kurang; kurang ilmu, kurang kepandaian dan kurang kebolehan. Tambahan lagi persekitaran sentiasa saja berubah-ubah yang menjadikan manusia juga berubah-ubah; fikiran berubah, sikap berubah, tanggapan berubah dan cita rasa berubah. Kerana itu undang-undang mereka pun turut berubah. Misalnya, di suatu masa hukuman mati diperaku dan dipakai, tetapi pada hari ini yang pernah memperakui dan memakai pun mahu menghapuskannya pula. Sedang dalam Undang-Undang Allah, qishāsh (bunuh dibalas bunuh) itu tidak pernah berubah. Kalau di zaman Nabi ia berjalan, sampai sekarang pun masih terus berjalan juga. Allah tidak pernah sorong tarik mengenainya, kerana Allah dalam ilmuNya sudah tahu bahawa undang-undang qishāsh itu adalah sesuai dan diperlukan sehingga Hari Kiamat. Begitu juga satu misalan lagi jenayah paling keji, gay (homoseksual). Dahulunya semua orang menganggapnya jenayah, tetapi sekarang undang-undang manusia ada yang tidak lagi menganggapnya satu jenayah bahkan amalan ini sah melalui perkahwinan. Sedang Undang-Undang Allah mengenainya dari zaman Luth sampailah sekarang amalan liwath (homoseksual) itu tidak berubah, ia terus dikutuk dan ditentukan hukumannya.

2. Undang-Undang Jenayah Syar'iah tidak terlepas daripada aspek aqidah: Meyakini perkara-perkara ghaib, sebagai wajib mempercayainya kerana ia disebut oleh al-Qur'an dan as-Sunnah. Unsur mempercayai adanya pembalasan di akhirat menjadikan manusia menjauhi jenayah kerana bukan saja takutkan hukuman di dunia malah lebih-lebih lagi takutkan azab di akhirat yang lebih pedih. Dengan itu, mereka yang percayakan perkara-perkara ghaib seperti ini akan sedaya upaya mengelakkan diri daripada melakukan jenayah sekali pun jika jenayah itu dilakukan tidak ada siapa yang tahu termasuk oleh pihak penguat kuasa undang-undang. Begitu juga jika telah terlanjur melakukan jenayah, orang beriman boleh tampil menyerahkan diri minta dihukum semata-mata kerana keimanannya terhadap azab Allah. Ini pernah berlaku di zaman keemasan Islam sebagaimana kita sudah menyebutnya. Perkara-perkara seumpama ini tidak mungkin berbangkit di dalam Undang-Undang Jenayah Sivil kerana sifatnya kosong daripada aqidah; mengimani perkara-perkara ghaib. Setidaknya orang beriman yang terlanjur melakukan jenayah akan menyesal dan bertaubat.

3. Jenayah dalam Islam adalah menyangkut hak Allah, hak manusia dan hak kedua-duanya sekali, seperti murtad dan hukumannya. Begitu juga kesalahan berkaitan ibadat seperti meninggalkan sembahyang dan kesalahan atau jenayah berkaitan akhlak seperti zina dan minum arak. Ini semua berbeza dengan Undang-Undang Jenayah Sivil. Undang-undang Jenayah Sivil misalnya menganggap murtad dan minum arak itu bukanlah satu jenayah. Mengapa begitu? Kerana di dalam undang-undang ini kosong daripada aqidah, kosong daripada ibadat dan akhlak.

4. Undang-Undang Jenayah Syar'iah lebih menitikberatkan “pencegahan” daripada menghukum. Ini dapat dikesan atau dilihat daripada jenyaah zina, Allah telah menyebut:

Tafsirnya: “*Janganlah kamu menghampiri zina.*”

Ayat ini adalah terang-terang mengandungi unsur pencegahan itu. Janganlah hampiri zina! Dengan cara apa? Dengan cara misalnya tidak berdua-duaan di antara lelaki dan perempuan ajnabi. Berdua-duaan itu juga hukumnya haram - dilarang. Bukan zina saja dilarang, malah juga menghampirinya. Tujuan larangan menghampiri di sini ialah untuk mencegah daripada berlakunya zina itu. Jika sebab-sebabnya telah dijauhi, maka payahlah untuk ia berlaku. Di sini satu lagi cantiknya Undang-Undang Allah itu. Begitu juga pengharaman arak, bukannya di sana tersirat tujuan pengharaman itu iaitu untuk mencegah dan mengelakkan supaya jenayah-jenayah lain yang lebih buruk akibatnya tidak berlaku? Ya, tidakkah Nabi Shallallāhu ‘alaihi wasallam bersabda:

Maksudnya: “*Arak itu ibu segala kejahatan.*”

Benar! Bukankah orang mabuk boleh terdorong melakukan apa saja: Berzina, merogol, membunuh dan lain-lain sebagainya? Jadi tidakkah dengan sebab ia diharamkan itu akan tercegahlah jenayah-jenayah yang lebih teruk lagi? Ya, inilah hikmah dalam Undang-Undang Allah. Konsep pencegahan seperti ini tidak diambil kira oleh Undang-Undang Jenayah

Sivil. Ia hanya lebih menumpukan kepada semata-mata menghukum atau membalas jenayah dengan hukuman. Itu saja.

5. Undang-Undang Jenayah Syar'iah sangat kemas lagi berhati-hati menangani kes. Caranya sangat unik, ketat dan halus, misalnya zina mesti ada empat orang saksi yang ‘adil dan tidak boleh bercanggah dalam keterangan masing-masing. Kes curi begitu juga, segala perkara diperhitungkan termasuk jumlah yang dicuri, tempat menyimpan atau cara di simpan benda yang dicuri. Seperti zina, saksi-saksi juga hendaklah ‘ādil. Dari segi saksi ini saja pun, perbezaan dengan Undang-Undang Jenayah Sivil sangatlah jauh. Saksi sivil boleh saja sebarang orang walaupun kanak-kanak dan orang bukan Islam. Perkara ‘adalah (saksi ‘adil tidak fasiq) tidak timbul langsung. Sebaliknya Islam tidak begitu. Ia menghendaki saksi-saksi mesti ‘adil. Orang ‘adil bermakna dia itu tidak melakukan dosa-dosa besar dan tidak melazimi dosa kecil. Orang begini pada lazimnya boleh didapat daripada kalangan orang-orang beriman sahaja, kerana dengan imannya itulah dia tidak melakukan maksiat dan boleh diharapkan amanahnya. Sebab itu di sini, sifat ‘adālah diperlukan. Betapa kalau kanak-kanak dan orang di luar Islam, bolehkah mereka itu menegakkan amanah? Sedang amanah itu hanya termampu ditunaikan oleh ahlinya sahaja. Di sinilah kehalusan dan kehebatan Undang-Undang Allah berbanding ciptaan manusia.

6. Undang-Undang Jenayah Syar'iah berkonsepkan *amr ma'ruf* dan *nahy munkar* (menyeru kepada kebaikan dan mencegah mungkar). Konsep ini sangat menolong untuk mengurangkan jenayah. Ia lebih kepada menjinakkan hati daripada menghukum. Walaupun hukuman kelihatan keras, misalnya orang berzina apabila beriqrar (mengaku berzina) dia boleh dihukum dengan sebat atau rejam, tetapi walaupun begitu, jika dia menarik balik iqarnya itu, dia dilepaskan. Begitu juga orang murtad jika telah tsabit kesalahan, hukumannya ialah mati. Namun kalau dia bertaubat, taubatnya itu diterima dan dia dilepaskan daripada hukuman mati itu. Sangat mudah sekali untuk bebas. Tidakkah konsep seumpama ini lebih menjinakkan hati?

Orang yang mengalaminya pasti akan bertambah sayang kepada Islam bukan membencinya. Demikian juga kita, yang sedia mengetahui Undang-Undang Jenayah Syar'iah itu begitu, sudah


pasti hati kita bertambah jinak kepada Islam kerana kerahmatannya itu. Cubalah renungan, adakah konsep rahmat seperti ini wujud di dalam Undang-Undang Jenayah Sivil? Tidak ada.

7. Undang-Undang Jenayah Syar'iah tidak diragukan lagi penuh dengan keberkatan kerana penggubalnya tidak lain daripada Pemilik rahmat dan berkat itu sendiri - Allah. Dialah yang menggubal dan Dia juga yang empunya agama (Islam) itu. Siapakah mampu menyangkal kebaikan gubalanNya ini, kelurusannya, kesesuaiannya dan keberkatannya? Memang berkat itu tidak dapat dilihat oleh pancaindera, tetapi buktinya ada melalui janji Allah serta daripada peristiwa-peristiwa yang banyak berlaku. Sila rujuk sejarah di zaman Nabi dan para sahabat yang telah melaksanakan undang-undang ini. Ada kes tetapi seperti juga tidak ada kerana bilangannya amat sedikit. Tidakkah ini tanda adanya keberkatan kerana menjalankan Undang-Undang Jenayah Allah itu? Berbanding Undang-Undang Jenayah Sivil ciptaan manusia, walaupun hukumannya sangat berat tetapi gagal untuk menimbulkan rasa gerun, seperti berlaku kepada hukuman mati mandatori bagi kesalahan dadah. Walaupun undang-undang ini amat keras dan terdapat di mana-mana, namun jenayah dadah masih saja berlaku dan malah menjadi-jadi tiada noktahnya. Mengapa? Tentu saja di situ menyangkut perkara berkat.

8. Kita menyebut perbezaan dalam hukuman, contohnya “hukum sebat”. Sebat atau rotan adalah berperanan di dalam Undang-Undang Jenayah Syar'iah dan juga Undang-Undang Jenayah Sivil. Walaupun namanya sama saja, rotan atau sebat, namun bentuk, cara, kesan dan akibat daripada pelaksanaannya adalah jauh berbeza. Pasti ia berbeza.

Menurut apa yang kita baca daripada kenyataan seorang pengarah penjara di sebuah negara sahabat (lihat Straits Times keluaran 13.9.74) yang dinukil semula oleh penulis Kamaludin bin Jaamit di dalam majalah Dian Digest Bil: 159, Jun 1984, bahawa hukuman sebat di dalam Undang-Undang Jenayah Sivil akan membawa tanda-tanda penghinaan sepanjang hayat.

Di bawah peraturan penjara yang wujud sekarang, sebatan itu dikenakan hanya ke atas punggung pesalah sahaja. Pegawai-pegawai yang menjalankan hukuman akan dipilih rapi dan sentiasa diberi latihan. Warder-warder itu terdiri daripada mereka yang berbadan besar dan tegap, memegang gred yang agak tinggi dalam seni mempertahankan diri. Sebilah rotan yang dipegang oleh warder, lebarnya setengah (½) inci dan panjangnya empat (4) kaki. Ketika melakukan sebatan, warder bukan saja menggunakan kekuatan tangannya tetapi menggunakan keseluruhan berat badannya sekali, sehingga akibatnya kulit punggung orang yang disebat itu pecah-pecah, dan cuma selepas tiga (3) sebatan sahaja, punggung itu akan berlumuran dengan darah. Rotan yang



digunakan akan direndam terlebih dahulu di dalam air selama satu malam supaya ia tidak pecah apabila singgah di punggung pesalah. Biasanya, banduan akan pengsan selepas tiga (3) atau empat (4) kali sebatan yang pertama.

Bayangkanlah kalau jumlah sebatan itu 24 kali atau ambillah minimumnya enam (6) kali, berapa kalikah banduan akan pengsan kalau tidak mati pun? Cara hukuman (sebat) dijalankan secara sulit, di luar penglihatan banduan-banduan lain. Banduan yang disebat akan ditelanjarkan (ada juga yang menyebut dipakaikan cawat untuk menutupi bahagian hadapan sahaja) dan diikat pergelangan kaki dan tangannya di kayu galang. Bentuk galang itu sama dengan bentuk huruf ‘H’ yang disambung di atas dan dilebarkan kakinya selalu tiga kaki. Tali pengikat yang kukuh pula adalah penting kerana pada biasanya banduan yang disebat itu akan mengelepar dengan sekuat-kuatnya kerana terlalu sakit.

Inilah dia sebatan dalam Undang-Undang Jenayah Sivil ciptaan manusia, yang tujuannya semata-mata untuk menghukum, menyeksa dan mencederakan sebagai pembalasan akibat daripada jenayah yang dilakukan.

Sangat jauh berbeza dengan hukuman sebat dalam Undang-Undang Jenayah Syar'iah. Dalam undang-undang ini, hukuman itu lebih dilihat sebagai untuk mengasuh dan mendidik, bukan saja kepada penjenayah malahan juga masyarakat. Kerana itulah hikmah hukuman dijalankan dengan terbuka di khalayak ramai bukannya seperti Undang-Undang Jenayah Sivil secara bersembunyi dan tertutup, kerana yang penting bagi undang-undang ini (jenayah sivil) hanyalah semata-mata menghukum untuk menimpakan seksaan, yang menambahkan lagi penderitaan dan kehinaan sepanjang hayat kepada penjenayah, bukan bermatlamatkan untuk membersihkan rohani manusia. Di dalam Undang-Undang Jenayah Sivil tidak kelihatan langsung rahmat, melainkan semata-mata kekerasan dan kebengisan belaka, berupa: Ikat, telanjang, sebat sampai pengsan dan berlumuran darah. Sementara ‘alat’ penyebab pula dipastikan benar-benar memeritkan dan si penyebab adalah orang kuat berbadan tegap.

Berbanding sebatan dalam Undang-Undang Jenayah Syar'iah, Rasulullah Shallallāhu ‘alaihi wasallam memilih rotan yang paling sederhana, tidak terlalu keras dan tidak pula terlalu lembut. Sayyidina ‘Umar Radhiallāhu ‘anhu, seorang yang terkenal sangat strict melaksanakan keadilan pernah mengingatkan kepada tukang-tukang sebat dan menegah mereka itu daripada mengangkat lengan sehingga ternampak ketiak ketika menyebat. Bandingkanlah dengan tukang-tukang sebat sivil yang menghayun dan mengangkat tangan lebih daripada menampakkan ketiak. Mereka menghayunnya dengan sehabis kuat sehingga, cuma dengan tiga kali sebatan sahaja, pesalah sudah boleh jatuh pengsan dan punggung pula berlumuran dengan darah.

Berbeza, sebagaimana ulama telah sepakat (ijma'), bahawa maksud sebatan itu sudah boleh dianggap tercapai dengan menggunakan hujung kain, kain sapu tangan atau pelepah tamar. Jika pelepah tamar digunakan, dikehendaki saiznya pula sederhana saja, tidak terlalu tua atau terlalu muda. Sampai begitu sekali hukum syara' memperinci. Kemudian cara melakukan sebatan juga dikehendaki sederhana: Tangan diangkat perlahan-lahan, tidak boleh tinggi hingga ke paras kepala dan pastikan sebatan itu rata di belakang, dan jangan disebat setempat sahaja.

Sekian, setakat ini sahaja. Penulis tutup dengan mohon maaf kiranya di sepanjang kuliah dan penulisan penulis mengenai dengan tajuk ini, terdapat perkara-perkara yang menyinggung atau lain-lain. Penulis juga dengan rendah hati bersedia mendengar sebarang ulasan atau buah fikiran bagi tujuan-tujuan pembaikan mana yang berkenaan. Semoga kita sama-sama dikurniakan taufiq dan rahmat oleh Allah, Amin.

Berangkat menyaksikan Regatta Sarawak 2014

Laporan : Bolhassan Haji Abu Bakar
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas
dari Kuching, Negeri Sarawak

KUCHING, NEGERI SARAWAK, Ahad, 7 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan Perlumbaan Akhir Perahu Naga Antarabangsa Regatta Sarawak 2014. Acara tersebut berlangsung di Tebingan Sungai Sarawak.

Mengiringi keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli berjalan kaki ke Tebingan Sungai Sarawak ialah Yang Di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Tan Sri Pehin Sri Haji Abdul Taib bin Haji Mahmud dan Yang Amat Berbahagia

Toh Puan Sri Raghad Kurdi Taib. Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di pentas khas dijunjung oleh Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Adenan bin Haji Satem dan isteri, Yang Amat Berbahagia Puan Sri Dato Hajah Jamilah binti Anu dan Menteri Perumahan dan Menteri Pelancongan Sarawak merangkap Menteri yang bertanggungjawab bagi Regatta Sarawak 2014, Yang Berhormat Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman bin Tun Abang Haji Openg.

Kemudian Kebawah DYMM dijunjung melancarkan Upacara Pelepasan Lumba Perahu dengan menekan punat yang disaksikan oleh Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sarawak.

Sebagai tanda menjunjung kasih atas keberangkatan Kebawah DYMM

telah disembahkan dengan pesambah berupa model Perahu Naga oleh Menteri Perumahan dan Menteri Pelancongan Sarawak merangkap Menteri yang bertanggungjawab bagi Regatta Sarawak 2014.

Kebawah DYMM seterusnya berkenan menyaksikan penyertaan Pasukan Regatta Negara Brunei Darussalam di Saringan Pertama Perlumbaan Akhir Perahu Naga Antarabangsa Regatta Sarawak 2014. Salah satu acara yang menarik perhatian Kebawah DYMM ialah perlumbaan menangkap itik yang merupakan acara tradisi dalam Regatta Sarawak.

Kemudian Kebawah DYMM dijunjung berangkat bersama TYT Yang Di-Pertua Negeri Sarawak menaiki kapal persiaran bagi menyusur Sungai Sarawak dan seterusnya menyaksikan acara khas Perlumbaan Perahu Naga Diplomatik.

Setelah selesai, Kebawah DYMM berkenan menyempurnakan pengurniaan hadiah kepada pemenang Kategori Khas Perlumbaan Akhir Perahu Naga Diplomatik, Regatta Sarawak 2014 yang dijuarai oleh 'Cahaya Zain' kepunyaan TYT Yang Di-Pertua Negeri Sarawak.

Juga hadir di acara tersebut ialah Menteri Perancangan Sumber dan Alam Sekitar II, Menteri Kemudahan Awam, Menteri Pembangunan dan

Perindustrian selaku Menteri Pengiring serta Menteri-Menteri Negeri Sarawak, Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hassan.

Setelah selesai perlumbaan tersebut, Kebawah DYMM berkenan berangkat bercemar duli berjalan kaki di Tebingan Sungai Sarawak bersama TYT Yang Di-Pertua Negeri Sarawak dan isterinya menuju Hotel Hilton Kuching bagi Majlis Santap Tengah Hari.

Sejarah Regatta Sarawak bermula pada tahun 1872 yang menentangkan kepelbagaian budaya masyarakat Negeri Sarawak yang terdiri daripada pelbagai suku kaum dengan matlamat untuk mewujudkan semangat perpaduan, toleransi dan muhibah.

Regatta Sarawak menjadi temasya tahunan yang diadakan di Tebingan Sungai Sarawak, yang mana pada tahun ini membawa tema 'Bersaing Untuk Keharmonian' (Race for Harmony) yang menggambarkan keramahan dan keharmonian penduduk 'Bumi Kenyalang' dalam menerima kunjungan pelawat-pelawat dari dalam dan luar negara.

Mengiringi keberangkatan Kebawah DYMM ialah Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika berkenan bergambar ramai semasa berada di atas kapal persiaran dan seterusnya menyaksikan perlumbaan akhir.

Majlis Santap Tengah Hari berlangsung dalam suasana harmoni



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari yang dihoskan oleh Yang Di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Tan Sri Pehin Sri Haji Abdul Taib bin Haji Mahmud.

KUCHING, NEGERI SARAWAK, Ahad, 7 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari yang dihoskan oleh Yang Di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Tan Sri Pehin Sri Haji Abdul Taib bin Haji Mahmud. Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertua Negeri Brunei Darussalam di Ballroom, Hotel Hilton dijunjung oleh Menteri Pembangunan Tanah, Sarawak, Yang Berhormat Tan Sri Amar James Jemut Masing.

Sebelum Majlis Santap Tengah Hari bermula, doa selamat dibacakan oleh Imam Besar Negeri Sarawak, Datuk Haji Jorgi bin Suhaili.



KEBAWAH DYMM ketika berkenan berangkat menuju Ballroom, Hotel Hilton bagi Majlis Santap Tengah Hari yang dihoskan oleh Yang Di-Pertua Negeri Sarawak, TYT Tun Tan Sri Pehin Sri Haji Abdul Taib.

Majlis Santap Tengah Hari yang berlangsung dalam suasana harmoni itu mencerminkan keakraban hubungan persahabatan yang terjalin sejak sekian lama di antara Negara Brunei Darussalam dan Negeri Sarawak.

Mengiringi keberangkatan Kebawah DYMM ialah Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan Perlumbaan Akhir Perahu Naga Antarabangsa Regatta Sarawak 2014 yang berlangsung di Tebingan Sungai Sarawak.



KEBAWAH DYMM berkenan mengurniakan hadiah kepada pemenang tempat ketiga bagi Perlumbaan Perahu Naga Diplomatik (atas). Sementara gambar kiri atas, Kebawah DYMM ketika berkenan menyaksikan perlumbaan dan gambar kiri, baginda berkenan berangkat bercemar duli berjalan kaki menuju ke Tebingan Sungai Sarawak.



SEBAHAGIAN para penonton yang terdiri daripada rakyat Sarawak menyaksikan Regatta Sarawak 2014 (kiri), sementara gambar tengah merupakan acara yang menjadi tarikan iaitu acara tradisi menangkap itik dan gambar kanan pula menunjukkan wakil pelumba dari Negara Brunei Darussalam yang turut serta dalam Perlumbaan Akhir Perahu Naga Antarabangsa Regatta Sarawak 2014.



Penggerak nadi kemajuan kampung

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Koleksi PELITA RBUNEI



SEPAKAT MEMBAWA BERKAT ... Dengan persefahaman dan kerjasama ahli-ahli MPK dapat menyertai beberapa pameran dan gerai-gerai jualan amal.

MAJLIS - MAJLIS Perundingan Mukim dan Kampung memainkan peranannya dengan baik sebagai badan penggerak kemasyarakatan. Ia dilihat sebagai mampu untuk menjadi pemangkin kepada kepimpinan peringkat akar umbi.

Kepimpinan, seharusnya menyeluruh dalam semua bidang: ekonomi, pendidikan, kemasyarakatan dan agama. Masyarakat mukim dan kampung mestilah turut menikmati hasil kepimpinan yang demikian itu. Jika tidak, kepimpinan tersebut masih

saja dianggap gagal.

Tanda kepimpinan yang berkesan ialah seseorang pemimpin itu berjaya menawan hati pihak-pihak yang dipimpinnya.

Begitulah antara petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan



KERJA bergotong-royong para penduduk semasa menganjurkan majlis.



KETUA Kampung RPN Rimba Kawasan 1, Awang Adanan bin Taha.

isu atau masalah seperti kegiatan-kegiatan yang berunsurkan negatif dan boleh menjejaskan perpaduan, keharmonian, keselamatan, ketenteraman kampung atau mukim masing-masing dan sentiasa bersama-sama berperanan dalam memeduli kesejahteraan dan kebajikan golongan yang daif, termasuk dalam kalangan anak-anak yatim dan warga emas yang memerlukan bantuan, di samping bekerjasama secara bersepadu dengan pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, swasta dan juga pertubuhan bukan kerajaan atau NGOs.

Menyentuh mengenai dengan keahlian sesebuah MPM itu, ahli-ahlinya dipilih melalui tiga pemegang jawatan penting di dalam Majlis Perundingan Kampung (MPK) iaitu pengerusi, timbalan pengerusi dan setiausaha.

Terdapat sebanyak tujuh buah kampung di bawah Mukim Sengkuring iaitu Kampung Sengkuring 'A', Kampung Sengkuring 'B', Kampung Jerudong, Kampung Tanjung Nangka, Kampung Mulaut, Kampung Kulapis dan Kampung Lugu / Katimahar yang mempunyai keramaian penduduk lebih 30 ribu orang.

Tidak jauh bezanya dengan Ketua Kampung RPN Rimba Kawasan 1, Awang Adanan bin Taha, 64 tahun, yang mana sebelum ini beliau pernah berkhidmat sebagai Pegawai Trafik di Jabatan Telekom Brunei.

“Saya telah dilantik menjadi Ketua Kampung RPN Rimba Kawasan 1 pada tahun 2006. Sebagai seorang ketua, kita mestilah mengikuti perkembangan terkini terutama sekali dalam pengetahuan penggunaan IT kerana ini dapat membantu memudahkan lagi melakukan tugas-tugas harian,” katanya.

Selain itu, ujarnya, seseorang ketua itu mestilah sentiasa ada untuk mendampingi dan mengetahui serta memeduli akan hal ehwal kampung dan anak-anak buahnya.

Saya juga sebagai Pengerusi MPK turut memainkan peranan yang besar memandangkan MPK adalah merupakan tulang belakang dan penggerak nadi seseorang ketua kampung itu demi kemajuan sesebuah kampung itu.

AHLI-AHLI MPK Rimba.

Penjagaan berkualiti pesakit kecelaruan mental



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adnan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof menyaksikan buku Kod Amalan (Code of Practice) sejurus selepas melancarkan Jerayawara Perintah Kesihatan Mental, 2014, Brunei Darussalam, di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, Berakas.

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah**

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 September. - Perintah Kesihatan Mental 2014 menandakan satu langkah kemajuan yang sangat *significant* dan

penting dalam Perkhidmatan Kesihatan Mental di Negara Brunei Darussalam yang dicintai ini.

“Dengan adanya perintah ini, setentunya kualiti penjagaan pesakit-pesakit yang mengalami gangguan mental akan bertambah baik, berkesan dan terjamin, setara dengan penjagaan di negara-negara yang telah maju,” ujar Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Dr. Haji Zulaidi bin Haji Abdul Latif dalam ucapan alu-aluannya pada Majlis Pelancaran Jerayawara Perintah Kesihatan Mental 2014, Brunei Darussalam, berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, Berakas, di sini.

Itu, katanya, juga adalah sejajar dengan apa yang digariskan dalam Pelan Tindakan Kesihatan Mental (2013-2020) Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization - WHO).

Perintah tersebut, jelasnya, telah digubal oleh Jawatankuasa Perintah Kesihatan Mental, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Jabatan Peguam Negara.

Dr. Haji Zulaidi yang juga selaku Pengerusi Bersama Ahli Jawatankuasa Perintah Kesihatan Mental 2014, Brunei Darussalam menjelaskan, beberapa proses telah dilalui meliputi

perundingan dan konsultasi yang sangat teliti bersama pihak agensi kerajaan yang berkaitan seperti Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Penjara, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Mufti Kerajaan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Majlis Ugama Islam Brunei bagi sama-sama memberikan pandangan dan ulasan yang berguna di dalam menyesuaikan perintah ini mengikut dasar-dasar serta undang-undang yang terdapat pada masa ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan pelancaran jerayawara berkenaan ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adnan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof.

Pada majlis itu, Yang Berhormat juga menyampaikan Kod Amalan (Code of Practice) kepada wakil-wakil daripada jabatan-jabatan yang berkepentingan termasuk jabatan-jabatan di bawah Kementerian Kesihatan.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Datin Paduka

Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil; Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua pengarah, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan.

Sementara itu ucapama Perintah Kesihatan Mental 2014 disampaikan oleh Konsultan Psikiatri, Ketua Jabatan Perkhidmatan Psikiatri, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Dr. Hilda Ho.

Beberapa jerayawara dan kursus latihan juga akan diadakan di seluruh negara bagi memberikan kefahaman bukan sahaja dalam kalangan profesional kesihatan malahan orang ramai mengenai undang-undang baru ini.

Perintah Kesihatan Mental 2014 akan mula berkuat kuasa pada 1 November 2014 bertujuan untuk menangani penjagaan dan rawatan orang yang bercelaru mental secara tertumpu dan menyeluruh.

Undang-undang baru ini merangkumi garis panduan rawatan yang bermula daripada proses memasukkan pesakit ke hospital sama ada secara sukarela atau tidak, rawatan awal di hospital serta pemulihan dan integrasi semula ke dalam masyarakat.

Kempen Membanteras NCD dilancar 9 September ini



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Kempen Membanteras Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit 2014 semasa mengadakan Sidang Media bagi Majlis Pelancaran Kempen Kebangsaan Membanteras Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit 2014, berlangsung di Pusat Promosi Kesihatan, Berakas.

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 September. - Kementerian Kesihatan akan mengadakan Majlis Pelancaran Kempen Kebangsaan Membanteras Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit 2014 pada 9 September, 2014, bertempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Kempen Membanteras Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit 2014 menyatakan perkara itu pada Sidang Media Majlis Pelancaran Kempen berkenaan, berlangsung di Pusat Promosi Kesihatan, Berakas, di sini.

Jelasnya, Majlis Pelancaran itu nanti akan disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Beliau menjelaskan, kempen tersebut bertujuan sebagai salah satu pendekatan penting dalam pelaksanaan Pelan Tindakan Multi Sektorial Bagi Pencegahan dan Pengawasan Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit Brunei Darussalam

(National Multisectoral Action Plan for the Prevention and Control of Non-communicable Diseases (BruMAP-NCD) 2013-2018 ialah untuk membarigakan dan meningkatkan kesedaran serta komitmen secara menyeluruh bukan sahaja dari sektor Kementerian Kesihatan malahan juga pelbagai sektor kerajaan, swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, institusi-institusi pendidikan dan masyarakat di negara ini bagi sama-sama menangani, mencegah, mengawal dan mengurangkan bebanan penyakit-penyakit tidak berjangkit dari terus menular dan berleluasa di negara ini.

Selain itu ujaranya, ia juga bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan orang ramai dan kumpulan-kumpulan sasaran yang tertentu seperti beliau, penuntut-penuntut institusi pendidikan, warga emas, penghidap-penghidap penyakit-penyakit tidak berjangkit mengenai langkah-langkah pencegahan dan pengawasan penyakit-penyakit tidak berjangkit serta faktor-faktor risiko yang berkaitan dengannya.

Jelasnya, kempen itu juga bertujuan bagi mengurangkan bebanan bukan sahaja dari aspek kos rawatan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam malahan juga bebanan kepada mereka yang terlibat seperti keluarga dan masyarakat terhadap risiko-risiko dan kemudaratan ke atas penyakit-penyakit tidak berjangkit jika tidak ditangani dan dikesan lebih awal dan seterusnya diambil langkah-langkah pencegahan dan dikesan lebih awal dan seterusnya diambil langkah-langkah pencegahan dan pengawalan secara lebih komprehensif dan berkesan.

Datin Paduka Dr. Hajah Norlila menjelaskan, ia juga untuk mendukung serta menunjukkan komitmen negara terhadap saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia dalam melaksanakan Pelan Tindakan bagi Pencegahan dan Pengawasan Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit 2013-2020 dan juga Rangka Kerja Komprehensif Global Mengenai Pemantauan Dan Sasaran Bagi Pencegahan Dan Pengawasan Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit, yang mana telah dipersetujui dan diluluskan di Perhimpunan Kesihatan Sedunia Ke-66 pada Mei 2013 yang lalu.

Dalam pada itu bagi memperkesakan serta memberi nilai tambah kepada Kempen Kebangsaan bertemakan ‘Kesihatan Tanggungjawab Kitani: Bertindak Sekarang!’ (Our Health, Our responsibility. Act Now!) itu katanya, sebuah logo khas telah dikenalpasti dan dicipta bagi mencerminkan tema kempen sekali gus mengetengahkan empat mesej utama seperti berikut iaitu Hargai Persekitaran Bebas Tembakau; Baca Label Makanan, Buat Pilihan Bijak; Budayakan Kegiatan Fizikal Dalam Kehidupan; dan Kenali Ubat Dan Kawal Penyakit Awda.

Tambahnya, semasa Majlis Pelancaran itu nanti, ucapama bertajuk ‘Kesihatan Tanggungjawab Kitani, Bertindak Sekarang’ akan disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional dan Teknikal) Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rahmah binti Haji Md. Said selaku Pengerusi Jawatankuasa Pelan Tindakan Strategik Kebangsaan Pencegahan dan Pengawasan Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit.

Datin Paduka menambah, kempen itu juga akan dilaratkan ke daerah-daerah lain bertujuan memberi kemudahan dan peluang bagi penduduk-penduduk di daerah tersebut untuk menghadiri dan sama-sama menimba ilmu dan meningkatkan

kesedaran mengenai amalan cara hidup sihat.

Bagi maklumat lanjut, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn/ncd.

Sementara itu, Ketua Pusat Promosi Kesihatan, Dr. Hajah Norhayati binti Haji Md. Kassim, selaku Penyelaras Bersama Jawatankuasa Pameran dan Ekspo Cara Hidup Sihat juga turut menerangkan mengenai Pameran dan Ekspo Cara Hidup Sihat yang akan diadakan iaitu bermula dari 9 hingga 21 September 2014.

Dr. Hajah Norhayati menjelaskan, Pameran dan Ekspo itu akan memfokuskan kepada beberapa rangka kerja khususnya mengenai Mengurangkan penggunaan tembakau, khususnya melalui saranan dan sokongan bagi mewujudkan persekitaran (fizikal) bebas tembakau; Mempromosi pemakanan yang sihat dan seimbang khususnya dengan mengetahui dan memahami cara-cara membaca label makanan; Mempromosi secara berterusan dan meningkatkan kegiatan fizikal di kalangan semua lapisan masyarakat; dan Mengenal pasti mereka yang berisiko tinggi bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit dan memastikan pengurusan penyakit yang lebih berkesan, termasuk mengenali dan mengambil ubat-ubatan seperti mana yang diarahkan oleh doktor.

Menurutnya, konsep ekspo adalah berdasarkan *healthy settings* iaitu persekitaran yang kondusif dan

menggalakkan amalan cara hidup sihat iaitu Tempat tinggal yang sihat (Healthy home); Tempat kerja sihat (Healthy workplace); Sekolah-sekolah mempromosi kesihatan (Healthy schools); Pasaraya dan Restoran Sihat (Healthy supermarkets and Restaurants).

Pameran ekspo itu tambahanya, akan mengetengahkan inisiatif-inisiatif yang menggalakkan pengamalan cara hidup sihat yang juga akan disertai oleh syarikat-syarikat swasta dengan mempamerkan barangan-barangan yang menjurus kepada pengamalan cara hidup sihat.

Di samping itu katanya, pameran dan ekspo mengasaskan kepada pengunjung-pengunjung terdiri dari orang ramai amnya dan pengidap penyakit-penyakit tidak berjangkit khususnya, serta belia-belia dan penuntut-penuntut sekolah.

Beliau menjelaskan, selain dari mempromosi dan meningkatkan kesedaran, jualan produk-produk yang mendukung amalan cara hidup sihat juga diadakan bagi pengunjung-pengunjung yang berminat.

Di sepanjang ekspo itu, beberapa ceramah kesihatan dan simposium juga diatitkan bagi peserta yang terdiri dari golongan sasaran tertentu mengikut tajuk-tajuk ceramah.

Pada sidang media itu, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan menyerahkan poster kempen tersebut kepada pegawai-pegawai perhubungan awam dan wakil-wakil dari kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila menyerahkan poster Kempen Kebangsaan Membanteras Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit 2014 kepada salah seorang penerima.

Mengasah bakat kepemimpinan, keusahawanan belia

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 September. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah berkata, Festival Hari Belia (FHB) 2014 berjaya mengumpulkan para belia daripada pelbagai bidang kemahiran dan latar belakang melibatkan diri dengan tujuan semata-mata untuk mewujudkan kesatuan belia di negara ini ke arah mendukung Dasar Belia Negara dan

Wawasan Brunei 2035.

Penganjuran FHB itu, katanya, sangat bertepatan pada menyahut seruan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Belia Kebangsaan Yang Ke-9 Tahun 2014 baru-baru ini, dalam mana baginda menyeru agar para belia menggunakan potensi yang ada dalam diri mereka untuk membina diri mereka sendiri, masyarakat dan mencorakkan bangsa.

Menteri Kebudayaan, Belia dan

Sukan berucap demikian semasa melancarkan FHB 2014, berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Yang Berhormat menjelaskan, daripada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu, dapatlah diertikan bahawa belia yang dinamik dan progresif itu ialah golongan belia yang sentiasa berbakti kepada raja, negara, bangsa dan agama.

Menurut Yang Berhormat, ke arah ini golongan belia perlu berpegang kepada peribahasa Melayu 'Hidup kayu biar berubah, Hidup manusia biar berjasa'.

Tambahnya, sebagai satu kuasa yang besar dan mempunyai kekuatan untuk memacu dan menjana perubahan, mereka juga perlu mempunyai keterampilan di segala bidang serta bijak dalam merancang dan mencapai cita-cita dan impian mereka.

Di samping itu, jelas Yang Berhormat, melalui festival berkenaan, golongan belia dapat mempamer dan mengongsikan bakat keusahawanan, kreativiti dan inovatif mereka di pelbagai bidang yang akan menyumbang kepada kelangsungan pembangunan dan kemajuan negara.

"Dalam waktu yang sama festival ini dapat dijadikan sebagai penunjuk aras atau *key performance indicator* bahawa golongan belia di negara ini tidak melepas atau melengah-lengahkan pada mengambil dan memanfaatkan peluang-peluang yang diberikan kepada mereka pada menambah kebolehan dan kemahiran

mereka.

"Ini akan dapat memperkukuhkan keyakinan dan harapan yang diletakkan ke atas diri golongan belia bahawa mereka adalah pemangkin kepada kegemilangan dan kecemerlangan pembangunan bangsa dan golongan belia adalah sebagai penyelamat masyarakat dan negara di masa yang akan datang," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, dengan adanya kesediaan dan persiapan yang ada dalam diri golongan belia, pemimpin-pemimpin dan generasi masa kini akan berasa lega dan tenteram bahawa masa depan negara dan bangsa akan terjamin dan selamat ditangani dan diteruskan oleh generasi muda yang serba berkebolehan dan penuh tanggungjawab yang diperkukuhkan dengan iman dan takwa.

Itu, katanya adalah bertepatan dengan ungkapan 'Jika kita hendak melihat masa depan sesebuah negara, lihatlah kepada belianya' dan 'Di atas bahu mereka diletakkan seribu harapan dan kepercayaan'.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai FHB yang dijadikan sebagai landasan gelanggang bagi para belia untuk mengasah dan mengasah bakat kepimpinan dan keusahawanan mereka.

Selain itu, ia juga termasuk untuk menonjolkan ciri-ciri modal insan (*role model*) yang terdapat dalam diri mereka baik secara individu mahupun berkumpulan yang nantinya dapat membimbing dan mempengaruhi



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa berucap pada majlis tersebut.

rakan-rakan muda dan golongan belia yang lain bertepatan dengan konsep pembangunan belia 'Dari Belia Untuk Belia'.

Terdahulu, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menjelaskan, FHB 2014 itu merupakan salah satu program yang boleh melahirkan belia yang berdikari, mandiri dan bertanggungjawab kepada diri sendiri dan negara kerana festival berkenaan dihasratkan untuk mencalak dan membentuk sifat dalam para belia agar mereka menjadi belia yang berdikari dan patriotik yang sentiasa bersedia berkhidmat untuk masyarakat dan mencurahkan bakti kepada negara.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah meneliti salah satu produk busana dan kufi khat dari kumpulan pereka Iqlas Design pada festival tersebut.

Pelbagai acara meriahkan Festival Hari Belia 2014

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 September. - Festival Hari Belia (FHB) 2014 bertemakan 'Dari Belia Untuk Belia' anjuran Jabatan Belia dan Sukan (JBS) dan Battle Pro Marketing & Management Services dilancarkan, di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan pelancaran festival tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Juga hadir ialah Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman; Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan

Sukan (KKBS), Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar; Timbalan Setiausaha Tetap KKBS, Awang Haji Mohd. Noor Jusmin bin Haji Abdul Samad; Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Mohammad yang juga selaku Pengerusi festival berkenaan; Pengurus Battle Pro Marketing & Management Services, Awang Haji Syed Anayatullah Shah juga selaku Ketua Penyelaras Aktiviti FHB 2014, pegawai-pegawai kanan KKBS dan para jemputan khas.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan doa selamat oleh Awang Haji Abdul Halim bin Haji Fuad diikuti ucapan perasmian oleh tetamu kehormat majlis.

Pada majlis tersebut tetamu



kehormat juga menyaksikan kegiatan dan aktiviti FHB 2014 yang diadakan selama empat hari mulai 4 hingga 7 September sebagai salah satu acara sampingan sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-9 Tahun 2014 itu.

Antara kegiatan yang akan diadakan adalah Malam Cinta Allah dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam; Forum Belia; persembahan berbentuk akuistik; kebudayaan dan keagamaan; pertunjukan 'martial art'/seni bela diri 7; pertandingan kereta Tamiya dan *futsal is fun*; pertunjukan kereta, jualan bazar dan keusahawanan belia; peraduan mewarna untuk kanak-kanak; *bouncer*; menunggang kuda; *face painting*; henna; *free stylers pannapannapanna* dan *ultimate Frisbee* termasuk gerai jualan dan makanan yang disertai oleh para belia.

FHB berkenaan dibukakan untuk kunjungan orang ramai dengan percuma bermula pukul 10.00 pagi hingga 10.00 malam.

MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah merasmikan Festival Hari Belia (FHB) 2014.



FHB 2014 mengumpulkan belia-belia yang berkecimpung dalam perniagaan kecil-kecilan dan juga aktif dalam industri kreatif.



ANTARA aktiviti sampingan di sepanjang FHB 2014 ialah tunjuk cara membuat dasar dan juga cara menapah sinjang.

Majlis Resepsi Hari Kemerdekaan Malaysia Ke-57



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Datuk Awang Sahak Awang Salleh memotong kek pada Majlis Sambutan Hari Kebangsaan Malaysia Ke-57.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 31 Ogos. - Sempena Hari Kemerdekaan Malaysia Ke-57 Tahun, Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Negara Brunei Darussalam mengadakan Majlis Resepsi yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Resepsi tersebut ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin

Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dan Datin Paduka Dayang Hajah Jahrah binti Haji Muhammad.

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Datuk Awang Sahak Awang Salleh berkata, dalam usia 57 tahun, Malaysia kini menyasarkan enam tahun lagi untuk mencapai sepenuhnya pembangunan maju di bawah Wawasan 2020 yang mana rakyat Malaysia akan berdiri seiring dengan negara-negara maju.

Kemerdekaan ke-57 tahun ini, jelas Tuan Yang Terutama, memang berbeza daripada tahun sebelumnya yang mana pada tahun ini Kerajaan Malaysia telah diuji dengan kejadian kehilangan pesawat Penerbangan Malaysia

MH370 diikuti dengan kejadian tragis Penerbangan Malaysia MH17 baru-baru ini di Timur Ukraine yang mengorbankan seramai 298 mangsa.

TYT menjelaskan, Kerajaan Malaysia berkongsi kesedihan bagi keluarga mangsa di mana perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia khususnya pada masa-masa sukar, dengan rasa cinta terhadap negara adalah bahagian penting untuk mengukuhkan Malaysia sebagai sebuah negara, ke arah merealisasikan agenda negara kita.

“Ini selaras dengan tema sambutan tahun ini ‘Malaysia ... Di Sini Lahirnya Sebuah Cinta’. Kami, rakyat Malaysia, sentiasa akan mempertahankan kesederhanaan dan kehendak untuk tidak membenarkan mana-mana elemen permusuhan, tidak rasional dan ekstremism yang menjejaskan keamanan dan demokrasi di Malaysia,” ujar TYT.

TYT menambah, Malaysia komited ke arah mengukuhkan hubungan rapat dengan Negara Brunei Darussalam

sebagai jiran khususnya, Malaysia gembira dengan pembinaan Jambatan Persahabatan melintasi sempadan sungai Malaysia dan Brunei daripada Sungai Pandaruan telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 8 Disember tahun lalu.

Jelas TYT, jambatan itu merupakan salah satu daripada tanda-tanda hubungan istimewa Malaysia dengan Negara Brunei Darussalam bagi menandakan hubungan sejarah yang berpanjangan dan perkongsian tradisi antara Malaysia dan Negara Brunei Darussalam, termasuk kedaulatan raja-raja Melayu.

Terdahulu lagu kebangsaan kedua-dua buah negara dimainkan diikuti dengan bacaan doa selamat.

Seterusnya, TYT dan Datin bersama Menteri Pendidikan dan Datin memotong kek sempena Hari Kemerdekaan Malaysia.

Hospital SSB sambut Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia



TIMBALAN Dekan (Akademia), Institut Sains dan Kesihatan Universiti Brunei Darussalam, Dr. Dayangku Hajah Nurolaini binti Pengiran Haji Muhammad Kifli menyampaikan hadiah kepada salah seorang ibu Sempena Sambutan Kebangsaan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia 2014 Bagi Daerah Belait.

KUALA BELAIT, Sabtu, 30 Ogos. - Hospital Suri Seri Begawan (SSB) mengadakan Majlis Sempena Sambutan Kebangsaan Minggu Penyusuan Susu Ibu (PSI) Sedunia 2014 Bagi Daerah Belait, bertempat di Dewan Serbaguna Hospital SSB.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Dekan (Akademia), Institut Sains dan Kesihatan Universiti Brunei Darussalam, Dr. Dayangku Hajah Nurolaini binti Pengiran Haji Muhammad Kifli.

Majlis adalah sempena menyambut Minggu PSI Sedunia yang jatuh pada setiap bulan Ogos.

Sambutan adalah untuk mewujudkan kesedaran pentingnya PSI dan mendukung dasar Kementerian Kesihatan bagi keperluan akreditasi.

Tema sambutan pada tahun ini adalah ‘Breastfeeding : A Winning Goal For Life’ – ‘PSI : Matlamat Kemenangan Untuk Kehidupan’.

Di majlis itu juga diteruskan penyampaian ‘Educational Aid’ kepada tenaga pengajar dan ‘Nursing Cover’ kepada para ibu yang baru melahirkan anak dan pelancaran video Bilik Sumber Pengajaran PSI oleh tetamu kehormat.

Upacara Penurunan Bendera Negara



BENDERA besar yang diturunkan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei diserahkan kepada Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali.

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ihsan Jabatan Daerah Tutong

TUTONG, Ahad, 31 Ogos. - Upacara Penurunan Bendera Negara sempena sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68, Tahun 2014 diadakan di keempat-empat daerah.

Di Daerah Tutong, Upacara

Penurunan Bendera berlangsung di kawasan Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong yang dihadiri oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali selaku tetamu kehormat.

Juga hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Perayaan Daerah Tutong,

penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung Daerah Tutong serta pegawai-pegawai kerajaan.

Upacara Penurunan Bendera disempurnakan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) yang seterusnya menyerahkan bendera negara kepada Pegawai Daerah Tutong.

Pelbagai acara telah diadakan sepanjang malam perayaan di Daerah Tutong sejak 15 Ogos yang lalu antaranya Gerai Perayaan, Persembahan Pentas Malam yang memuatkan persembahan bercorak kebudayaan dan agama daripada jabatan-jabatan kerajaan, masyarakat mukim-mukim Daerah Tutong, sekolah-sekolah dan badan-badan bukan kerajaan.

Selain itu, beberapa acara sukan dan keraian juga diadakan sepanjang musim perayaan di daerah ini termasuklah Festival Perayaan 68 Daerah Tutong yang dimeriahkan dengan Acara Perbarisan Lalu dan Perarakan Tanglong, Perarakan Cucul Berhias di air dan Persembaan Bunga Api.

Festival yang berlangsung pada malam 30 Ogos 2014 mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada penduduk daerah ini.

LKEB anjur Seminar Cap Dagangan, Reka Bentuk Perindustrian

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 30 Ogos. - Seminar Cap Dagangan dan Reka Bentuk Perindustrian bagi meningkatkan kesedaran dan menyebarkan maklumat mengenai sistem perlindungan yang berbeza bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB).

Ia juga untuk menyediakan PKS tempatan dan penasihat cap dagangan dan reka bentuk serta peguam dengan pilihan untuk perlindungan tanda dan reka bentuk mereka.

Sebelum Brunei Darussalam menjadi ahli Protokol Madrid yang berkaitan dengan Perjanjian Madrid yang berkenaan dengan pendaftaran antarabangsa tanda, seminar itu juga bertujuan untuk membantu Pejabat Harta Intelekt Brunei (BruIPO) dalam usahanya untuk bergerak ke hadapan dengan rancangan masa depan untuk menyertai perjanjian itu serta membantu dalam mendapatkan *buy-in* dari pemilik cap dagang dan peguam.

Seminar sehari tersebut berlangsung di iCentre Anggerek Desa, di sini, yang dianjurkan oleh LKEB melalui BruIPO

dengan dikendalikan oleh dua pakar harta intelek di bawah Projek EU-ASEAN mengenai Perlindungan Hak Harta Intelekt (ECAP III), Encik Ignacio de Medrano Caballero dan Cik Maria Corazon Marcial.

Seminar tersebut telah dihadiri oleh kira-kira 35 peserta daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, ahli-ahli Persatuan Undang-Undang, Majlis Perniagaan Wanita, PKS tempatan dan kakitangan BruIPO.

Seminar itu juga sejajar dengan aktiviti di bawah Pelan Tindakan ASEAN IPR 2011-2015 untuk meningkatkan keupayaan sektor produktif di rantau ini bagi melindungi dan menguruskan jenama dan reka bentuk mereka dan untuk menyokong inisiatif menambah baik rangka kerja undang-undang dan dasar melalui penyertaan yang lebih baik dalam sistem perlindungan global, iaitu Perjanjian Madrid dan Sistem Hague bagi pendaftaran antarabangsa reka bentuk yang Brunei Darussalam bersetuju dengan pada 24 September 2013.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 September. - Lukisan bertajuk 'Royal Concersation' nukilan Awang Marsidi bin Omar muncul sebagai pemenang pertama sekali gus menerima hadiah wang tunai BND5,000 pada Peraduan Seni Lukis bagi Kategori 'A' sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68 Tahun, 2014.

Sementara tempat kedua menerima

Lukisan 'Royal Concersation' juarai Peraduan Seni Lukis

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

hadiah wang tunai BND1,500 yang telah dimenangi oleh Awang Haji Abd.

Wahab bin Haji Mohd. Salleh dengan lukisan yang bertajuk 'Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama Tuan Yang Terutama Vladimir Putin dan tempat ketiga dimenangi oleh Awang Suhaili bin Omar dengan lukisan bertajuk 'Kepimpinan Berwibawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia' menerima hadiah BND1,000.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang di Galeri Seni, Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan (BSB), di Ibu Negara, di sini.

Kategori 'B' dimenangi oleh Awang Khairul Asri bin Tarip dengan tajuk lukisan 'Kampung Ayer dan Khazanah' sekali gus menerima hadiah wang tunai BND2,000 dan diikuti lukisan bertajuk 'Kemajuan Brunei' milik Awang Osman bin Bakir menduduki tempat kedua dengan menerima wang tunai BND1,500 dan tempat ketiga jatuh kepada Awang Marsidi bin Omar dengan lukisannya 'Bandar dalam Taman' dengan membawa pulang hadiah BND1,000.

Sementara Kategori 'C' yang dibuka kepada penuntut-penuntut sekolah menengah hingga Tingkatan Enam dimenangi oleh Awang Md. Zakwan Muqri bin Osman dengan lukisannya yang bertajuk 'Negaraku Brunei Darussalam' menerima hadiah BND750.

Tempat kedua dimenangi oleh Awang Muhammad Muzakir bin

Aminuddin yang membawa pulang hadiah BND500 dengan lukisan yang bertajuk 'Mengail - Pantai Jerudong' dan Dk. Nurul Syazwina binti Pg. Md. Roslan memenangi tempat ketiga dengan lukisan 'Hasrat murni' dengan menerima hadiah BND300.

Peraduan yang dibuka pada 26 Mei lepas menerima 64 buah karya lukisan dan dibahagikan kepada 3 kategori masing-masing menerima Kategori 'A' sebanyak 20 karya, ('B' oleh 23 karya) dan Kategori 'C' hasil daripada 21 karya.

Pameran yang telah dirasmikan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri itu membuka peluang kepada orang ramai untuk menyaksikan hasil karya pelukis-pelukis muda dan pelajar sekolah yang dipamerkan selama tiga bulan di Galeri Seni, Dermaga Diraja BSB, di sini.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menyampaikan hadiah kepada pemenang Kategori 'A', Awang Marsidi bin Omar dengan karya beliau 'Royal Concersation'.

Kursus Persediaan Persaraan berakhir

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Ihsan Jabatan Daerah Temburong

TEMBURONG, Rabu, 3 September. - Seramai 38 pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam yang mengikuti Kursus Persediaan Persaraan telah menamatkan kursus mereka dengan berlangsungnya Majlis Penyampaian Sijil masing-masing, di Balai Raya Orang Kaya Sura Haji Tuba bin Taliff, Kampung Senukoh, Mukim Labu, di sini.

Penyampaian sijil-sijil disempurnakan oleh Pemangku Penolong Pengarah Institut Perkhidmatan Awam (IPA), Awang Haji Kamri bin Haji Rakawi.

Terdahulu para peserta kursus mendengarkan taklimat mengenai projek pembuatan mee kuning basah yang dikendalikan oleh Biro Wanita Majlis Perundingan Kampung (MPK) Senukoh, disampaikan oleh Ketua Kampung Senukoh, Awang Yusof bin Haji Maidin.

Beliau juga antara lain menjelaskan satu lagi projek perekonomian yang dikendalikan oleh MPK Senukoh iaitu Projek Pelancongan Budaya MPK

Senukoh yang menyediakan beberapa pakej tertentu dengan memberi peluang kepada para pengunjung untuk mengalami dan menyaksikan sendiri permainan tradisi kampung, pembuatan makanan tradisi puak-puak yang tinggal di Kampung Senukoh dan sebagainya.

Selain itu, para peserta kursus juga membuat lawatan ke beberapa buah lagi MPK yang bergiat aktif mengendalikan projek-projek keusahawanan di daerah ini.

Lawatan merupakan sebahagian daripada aktiviti yang terkandung semasa kursus bagi bakal-bakal pesara Perkhidmatan Awam yang dikendalikan oleh IPA sebagai tanda pemedulian pihak kerajaan terhadap pegawai-pegawai dan kakitangan yang akan bersara.

Sebanyak tiga modul disediakan sepanjang kursus selama lapan hari iaitu modul pertama mengenai paradigma persiapan psikologi persaraan; modul kedua mengenai kerohanian, kemasyarakatan dan kesihatan, manakala modul ketiga adalah tentang keusahawanan.



SEORANG peserta kursus Persediaan Persaraan menerima sijil yang disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah Institut Perkhidmatan Awam, Awang Haji Kamri bin Haji Rakawi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 September. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) masing-masing muncul juara bagi Kategori Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan serta Kategori Sekolah-Sekolah dan Maktab-Maktab dalam Peraduan Pintu-Pintu Gerbang Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68 Tahun 2014.

Majlis penyampaian hadiah bagi pemenang-pemenang peraduan disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional) Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar di Dewan Atria, Simpung Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya.

Kementerian Perhubungan dan Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei masing-masing menyandang naib juara dan tempat ketiga bagi Kategori Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan, manakala Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Lapangan Terbang Lama Berakas pula masing-masing memenangi bagi Kategori Sekolah-Sekolah dan Maktab-Maktab.

Para pemenang juara bagi kedua-dua kategori berkenaan masing-masing menerima hadiah piala iringan, wang tunai BND800, dan sijil.

Sementara wang tunai BND500 dan sijil bagi naib juara manakala tempat ketiga menerima hadiah piala iringan, wang tunai BND300 dan sijil.

Pemangku Pengarah Perkhidmatan Bangunan, Awang Haji Amir Hamzah bin Haji Abd. Karim selaku Pengerusi Majlis menyatakan peraduan tersebut dibahagikan kepada dua kategori iaitu Kategori Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan dan Kategori Maktab-Maktab Dan Sekolah-Sekolah termasuklah institusi-institusi tinggi di Daerah Brunei dan Muara.

Menurutnya, sudut penghakiman telah dilaksanakan berdasarkan reka bentuk pintu gerbang mengikut ciri-ciri yang telah ditetapkan, kesiapan pintu gerbang seperti yang

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad



SETIAUSAHA Tetap (Teknikal dan Profesional) Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar menyampaikan hadiah kepada wakil pemenang Kategori Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan serta Kategori Sekolah-Sekolah dan Maktab-Maktab dalam Peraduan Pintu-Pintu Gerbang Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68 Tahun 2014 (atas dan bawah).



telah ditetapkan, struktur pintu gerbang dari segi keselamatan dan penjimatan penggunaan tenaga elektrik, gubahan warna pintu gerbang dan susunan lampu cucuk yang menarik, pandangan dan daya tarikan pada waktu siang dan pada waktu malam.

"Seramai 16 penyertaan terdiri daripada 11 penyertaan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan dan 5 penyertaan pula dari maktab-maktab dan sekolah-sekolah yang bertujuan untuk memeriahkan dan menyemarakkan lagi suasana perayaan pada tahun ini," tambahnya.

Menteri Pembangunan hadiri IAMMST Ke-8 di Indonesia

REPUBLIK INDONESIA. - Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-Menteri ASEAN Ke-8 Mengenai Sains dan Teknologi (IAMMST Ke-8) telah diadakan pada 25 Ogos 2014, di Bogor, Jawa Barat.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Menteri Penyelidikan dan Teknologi (RISTEK), H.E. Prof. Dr. Ir. H. Gusti Muhammad Hatta dan dihadiri oleh menteri-menteri dan pegawai-pegawai kanan Sains dan Teknologi dari Negara Brunei Darussalam, Kemboja, Republik Demokratik Rakyat Lao, Malaysia, Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand dan Viet Nam termasuk perwakilan dari Sekretariat ASEAN.

Menteri-menteri yang hadir mengucapkan tahniah kepada negara tuan rumah atas kejayaan mengendalikan pelbagai acara sempena sambutan Minggu Sains Teknologi ASEAN Ke-9 (ASTW Ke-9) sebelum mengadakan Mesyuarat IAMMST Ke-8 termasuk pameran STI, yang mempamerkan inisiatif penyelidikan dan produk dari negara-negara anggota dan sektor swasta, Persidangan dan Kongres Sains Ke-4; Mesyuarat Badan Penasihat Pelan Tindakan ASEAN Mengenai Sains dan Teknologi

(ABAPAST) Ke-25; Mesyuarat Badan Penasihat Dana Sains ASEAN (ABASF) Ke-24; Mesyuarat Jawatankuasa ASEAN Mengenai Sains dan Teknologi (COST) Ke-68; Mesyuarat Jawatankuasa Kerjasama ASEAN-Jepun Ke-5 Mengenai Sains dan Teknologi; Mesyuarat Jawatankuasa Sains dan Teknologi Bersama ASEAN-China (ACJSTC) Ke-9; Dialog ASEAN-EU Ke-5 Mengenai Sains dan Teknologi dan Konsultasi ASEAN-US Ke-4 Mengenai Sains dan Teknologi.

Negara Brunei Darussalam pada Mesyuarat IAMMST Ke-8 itu diwakili oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan disertai oleh Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional) kementerian berkenaan, Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar dan pegawai-pegawai daripada Bahagian Sains, Teknologi, Penyelidikan dan Antarabangsa, Kementerian Pembangunan.

Negara Brunei Darussalam pada pameran ASTW Ke-9 sempena mesyuarat berkenaan telah mempamerkan aktiviti-aktiviti penyelidikan, kemudahan dan biasiswa siswazah penyelidikan yang ditawarkan oleh Universiti Brunei

Darussalam, di samping menyertai negara-negara anggota ASEAN dalam Anugerah CIPTA 2015.

Dalam usaha untuk menarik lebih ramai pelabur untuk datang ke Negara Brunei Darussalam menjalankan penyelidikan dalam bidang keutamaan negara, promosi mengenai dana penyelidikan yang diberikan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) kepada pelabur asing juga didedahkan dan turut menjadi perhatian.

Menteri-menteri yang menghadiri IAMMST Ke-8 telah membincangkan isu-isu yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Ke-68 ASEAN Mengenai Sains dan Teknologi (COST) yang antara lain telah menyokong cadangan Pasukan Petugas Peringkat Tinggi (HLTF) kepada pengukuhan Sekretariat ASEAN dan mengkaji proses-proses kerja Organ ASEAN dan mengambil maklum cadangan visi Pasca 2015 Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) yang dicadangkan iaitu 'AEC 2025: Consolidation and Going Beyond'.

Memandang ke hadapan pada cabaran dan peluang untuk Sains dan Teknologi (S & T) sebagai pemacu utama untuk pembangunan ekonomi dalam Masyarakat Pasca ASEAN 2015, para menteri meluluskan wawasan baru yang dicadangkan

untuk Sains ASEAN, Teknologi dan Inovasi (STI) iaitu 'A Science, Technology and Innovation-enabled ASEAN Which is Innovative, Competitive, Vibrant, Sustainable and Economically Integrated'.

Para menteri juga mengambil maklum terhadap status Dana Sains ASEAN (ASF) dan meluluskan pindaan yang dicadangkan kepada Garis Panduan ASF supaya inisiatif yang memfokuskan inovatif boleh dibiayai, selain bersetuju supaya ASF berkenaan selepas ini, akan dinamakan semula sebagai Sains ASEAN, Dana Teknologi dan Inovasi (ASTIF).

Mengenai kerjasama Rakan-Rakan Dialog, para menteri bersetuju bahawa keputusan mengenai Memorandum Persefahaman Individu yang dicadangkan dengan China dan India dengan kerjasama STI akan ditunda sehingga APASTI baru diluluskan atau diterima oleh para menteri.

Menteri-menteri juga mengambil maklum bahawa Forum ASEAN-Republik Korea (ROK) STI akan diadakan pada 1 hingga 3 Disember 2014 di Daejeon, Republik Korea sebagai acara sampingan Sidang Kemuncak Komemoratif bagi meraikan hubungan Dialog ASEAN-ROK Ke-25.

ASTW Ke-9 dan IAMMST Ke-8 diakhiri dengan Majlis Makan Malam Gala dengan penyampaian Anugerah S & T ASEAN dan Hadiah ASEAN-AS untuk Wanita dalam Sains. Anugerah S & T terdiri daripada Anugerah Ahli Sains dan Teknologi Muda (AYSTA), Anugerah Ahli Sains dan Teknologi Cemerlang (AOSTA) dan Anugerah Perkhidmatan Terpuji ASEAN (AMSA). Peserta Negara Brunei Darussalam ke AOSTA diwakili Dr. Malai Haniti Sheikh Hamid, Pensyarah Kanan, Fakulti Sains (FOS) dari Universiti Brunei Darussalam.

Pemenang AYSTA dan AOSTA kedua-duanya dari Malaysia, manakala pemenang untuk Hadiah ASEAN-AS untuk Anugerah Wanita dimenangi oleh peserta Thailand. Sementara AMSA pula diraih oleh Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional), Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Suhaimi, atas kepimpinan yang cemerlang sepanjang tempoh perkhidmatannya sebagai Pengerusi COST 2012/2013 yang juga berkhidmat sebagai Pengerusi COST di Negara Brunei Darussalam.

Perkhidmatan Awam perlu pemimpin mantap, berwibawa



SETIAUSAHA Tetap (Hal Ehwal Korporat dan Pentadbiran Awam) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Yahya bin Haji Idris semasa berucap merasmikan Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-Pegawai Pengurusan Pertengahan Kali Ke-18 dan Ke-19 Bagi Tahun 2014 di Dewan Kuliah ILIA, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

TUNGKU LINK, Selasa, 2 September. - Bagi mencapai tahap pencapaian Perkhidmatan Awam yang berkesan dan memenuhi cita rasa pelanggan, ia memerlukan kepimpinan yang mantap, inovatif dan berwibawa.

Setiap pihak juga perlu memainkan peranan yang proaktif serta bijaksana



SETIAUSAHA Tetap (Hal Ehwal Korporat dan Pentadbiran Awam) di JPM, Awang Haji Yahya semasa hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut.



SETIAUSAHA Tetap (Hal Ehwal Korporat dan Pentadbiran Awam) di JPM, Awang Haji Yahya semasa bergambar ramai bersama para peserta Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-Pegawai Pengurusan Pertengahan Kali Ke-18 dan Ke-19 Bagi Tahun 2014 di Dewan Kuliah ILIA, UBD.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Hamzah Mohiddin

dalam melihat secara keseluruhannya melalui inovasi dan motivasi yang tinggi bagi memperkembangkan lagi perkhidmatan kepada pelanggan.

Oleh itu, sikap pegawai dan kakitangan awam terutama yang berdepan dengan orang ramai perlulah

berubah agar memfokuskan kepada *customer focused* yang mendorong perniagaan dan perdagangan serta menanamkan *sense of urgency* dalam memeduli kepentingan pelanggan.

Setiausaha Tetap (Hal Ehwal Korporat dan Pentadbiran Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Yahya bin Haji Idris menekankan perkara tersebut semasa berucap merasmikan Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-Pegawai Pengurusan Pertengahan Kali Ke-18 dan Ke-19 Bagi Tahun 2014 di Dewan Kuliah ILIA, Universiti Brunei Darussalam.

Beliau menyifatkan inovasi dan kreativiti merupakan idea-idea baru dalam semua aspek kerja untuk menghasilkan penyampaian perkhidmatan yang berkesan dan perlulah dialu-alukan kerana produk dan perkhidmatan yang dihasilkan dari gabungan inovasi dan kreativiti mampu melonjakkan kecekapan serta keberkesanan Perkhidmatan Awam.

Beliau menambah, idea-idea baru tidak harus dilihat dengan penuh syak wasangka atau diketepikan hanya semata-mata ianya tidak konvensional.

Tambahnya, untuk menjadikan Perkhidmatan Awam negara kita sebagai tanda aras kecemerlangan peringkat global yang mana budaya pemikiran di luar kotak kebiasaan perlu menjadi norma harian dan rutin bukannya sesuatu yang pelik atau luar biasa yang nantinya mewujudkan persekitaran kerja yang dinamik lagi bertenaga serta berdaya saing.

"Maka di sinilah juga peranan seorang pemimpin untuk menerajui dan memupuk perubahan-perubahan berinovasi yang diharapkan," ujarnya. Katanya, budaya menggerakkan pekerja perlu terus dimajukan oleh pemimpin sementara budaya takut, budaya memberontak, mementingkan diri sendiri, mencela, tidak yakin dan percaya kepada kebolehan sendiri dan berpasukan perlulah dihapuskan.

Melihat dari sudut yang lebih luas terangnya, inovasi telah terbukti berjaya membawa perubahan transformasi jentera kerajaan yang mana membudayakan konsep inovasi dalam setiap warga Perkhidmatan Awam merupakan langkah ke hadapan yang perlu dilaksanakan jika kita mahu lebih berjaya.

"Inovasi yang baik akan berupaya merungkai cabaran pihak kerajaan dalam persoalan *urgency* bagi Perkhidmatan Awam dalam menyampaikan perkhidmatan yang

berkesan dan berkualiti tinggi," jelasnya.

Awang Yahya berharap program eksekutif yang bertemakan 'Perubahan Inovatif Ke arah Penyampaian Perkhidmatan Berkesan' itu akan dapat membantu peserta untuk melengkapkan diri dengan kemahiran kepimpinan untuk digunakan dalam menggalas tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan selain ianya merupakan satu pelaburan besar kerajaan dalam membangun kapasiti dan keupayaan di sektor kerajaan yang diharap akan membuahkan hasil.

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menurut Awang Yahya akan terus melaksanakan usaha-usahanya dalam membangun keupayaan Perkhidmatan Awam selaras dengan salah satu dari tiga teras strategik JPA ke arah merealisasikan visi dan misinya iaitu untuk membangun dan mempertingkatkan kemahiran kepimpinan, kapasiti, kualiti dan kompetensi warga Perkhidmatan Awam.

Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-Pegawai Pengurusan Pertengahan Kali Ke-18 disertai oleh 27 orang pegawai kanan kerajaan yang bermula 16 Ogos yang lalu dan seramai 30 lagi akan mengikuti bagi Sesi Ke-19 yang akan diadakan pada 27 September depan.

Kukuhkan keupayaan pengurusan Harta Intelekt

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hernie Suliana
Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 September. - Pejabat Harta Intelekt Brunei (BruIPO) akan melaksanakan sistem pentadbiran Harta Intelekt bersepadu dengan perniagaan lebih berorientasi pendekatan holistik yang bukan sahaja akan meletakkan Negara Brunei Darussalam standing dengan Pejabat Harta Intelekt di rantau ini tetapi juga akan dapat mewujudkan dan lebih menggalakkan ekosistem *mesra perniagaan* yang menjamin perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan syarikat multinasional.

Langkah itu bukan sahaja sejajar dengan inisiatif di bawah Pelan Tindakan Hak Harta Intelekt ASEAN 2011-2015 dalam Pemodenan Pejabat Harta Intelekt tetapi juga selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Tahun Baru 2014.

Timbalan Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, selaku Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) menyatakan demikian pada Mesyuarat Konsultasi Cap Dagang ASEAN, berlangsung di Hotel Orchid Garden, di sini.

Terdahulu beliau menjelaskan, mesyuarat konsultasi dianjurkan dalam rangka kerja pelaksanaan Projek EU-ASEAN mengenai Perlindungan Hak Harta Intelekt (ECAP III Fasa II) Pelan Kerja Tahunan Bagi 2014 bertujuan mengukuhkan keupayaan



TIMBALAN Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, selaku Ketua Pegawai Eksekutif LKEB bergambar ramai bersama delegasi Mesyuarat Konsultasi Cap Dagang ASEAN, berlangsung di Hotel Orchid Garden.

pengurusan Harta Intelekt dalam negara ASEAN untuk menyampaikan perkhidmatan pendaftaran yang berkualiti kepada komuniti perniagaan.

Katanya, beliau difahamkan bahawa aktiviti itu juga memberi tumpuan kepada menaik taraf kualiti perkhidmatan yang ditawarkan oleh Pejabat Harta Intelekt ASEAN kepada komuniti perniagaan melalui pembinaan alat yang mencukupi untuk membantu pejabat berkenaan dalam penyediaan perkhidmatan berkualiti.

Beliau juga gembira menjadi tuan rumah mesyuarat ini yang merupakan persediaan bagi Mesyuarat Kerjasama Cap Dagang Pasukan Bertindak ASEAN (ASEAN Trademark Cooperation Task Force) yang diberi mandat

untuk merangka pelan kerja dan untuk menjalankan inisiatif cap dagang yang berkaitan di bawah Pelan Tindakan Hak Harta Intelekt ASEAN 2011-2015.

Selain itu, beliau juga telah dimaklumkan, Seminar Kebangsaan Terbuka Mengenai Cap Dagang dan Reka Bentuk Perindustrian diadakan pada hujung minggu lalu berlangsung di iCentre, Anggerek Desa dan telah dibimbing oleh Ketua Projek ECAP III, Mr. Ignacio de Medrano Caballero dan Pakar Harta Intelekt ECAP III, Ms. Maria Corazon Marcial.

"Seminar ini telah mendapat sambutan baik dengan dihadiri oleh kira-kira 35 peserta dari agensi-agensi berkaitan dan kementerian-kementerian kerajaan termasuk

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, ahli-ahli Persatuan Undang-Undang, PKS tempatan dan kakitangan BruIPO," ujarnya.

Tambahnya, ianya selaras dengan objektif BruIPO dalam mempromosikan kesedaran mengenai faedah dan perlindungan cap dagangan dan reka bentuk perindustrian bagi meningkatkan pembangunan perniagaan dan daya saing.

LKEB melalui BruIPO menjadi tuan rumah Mesyuarat Konsultasi Cap Dagang ASEAN yang bermula hari ini dan berakhir pada 4 September nanti.

Ianya dianjurkan dalam rangka kerja pelaksanaan Projek EU-ASEAN

Mengenai Perlindungan Hak Harta Intelekt (ECAP III Fasa II) Pelan Kerja Tahunan bagi tahun 2014.

ECAP III sedang ditadbir untuk Penyelarasan Pasaran Dalam (OHIM), agensi EU yang bertanggungjawab mengenai cap dagang dan reka bentuk perindustrian.

Mesyuarat empat hari ini dihadiri oleh pengarah-pengarah cap dagang dan pegawai-pegawai kanan undang-undang dari negara-negara anggota ASEAN termasuk Negara Brunei Darussalam, wakil-wakil dari Sekretariat ASEAN, OHIM dan ECAP III Fasa II.

Jerayawara pamerkan Koleksi Muzium



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking semasa melancarkan Jerayawara 'Koleksi Muzium Sebagai Penghubung' di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Muda Hashim Tutong.

TUTONG, Selasa, 2 September. - Sempena Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Tahun 2014, Jabatan Muzium-Muzium Brunei (JMB) mengukuhkan Pameran 'Koleksi Muzium Sebagai Penghubung' pada bulan Mei lalu di Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan.

Sebagai kesinambungan bagi sambutan berkenaan, penduduk Daerah Tutong juga diberi kesempatan untuk menyaksikan jerayawara yang telah diaturkan bermula 2 September hingga 4 September di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Muda Hashim Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat melancarkan jerayawara berkenaan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara

(MMN), Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.

Jerayawara ini disasarkan kepada murid-murid dan penuntut-penuntut di sekolah rendah dan menengah dengan mengetengahkan pelbagai bidang yang terdapat di JMB antaranya, bidang arkeologi, etnografi, ilmu kejadian dan arkib.

Pencegahan serangga perosak terhadap objek-objek dan teknik penggalian tapak arkeologi serta menenun kain tenunan antara yang turut dijadikan aktiviti interaktif.

Semasa berucap di majlis ini, tetamu kehormat percaya jerayawara ini merupakan satu wadah dan sebagai penghubung JMB bagi mendekatkan

muzium kepada masyarakat di negara ini, selain sebagai inisiatif yang sangat baik untuk mendedahkan peranan dan fungsi JMB kepada golongan pelajar dan masyarakat di Daerah Tutong ini.

"Ianya juga dijadikan sebagai platform untuk menarik dan menanam minat pelajar untuk mencintai warisan budaya. Pada hemat saya JMB perlu meningkatkan peranan muzium dan menjadikannya lebih relevan sebagai institusi yang bertanggungjawab dalam menyebarkan maklumat dan mendidik masyarakat terutama kepada golongan generasi muda," jelas Yang Berhormat.

Pada kesempatan ini, Yang Berhormat turut menyarankan JMB supaya mewujudkan jalinan kerjasama dengan pihak-pihak di daerah setempat untuk mengadakan pameran kerjasama seperti di kawasan mukim dan kampung.

Bagi menanamkan sifat cintakan warisan kepada golongan muda, ujarnya, program yang bersesuaian hendaklah diusahakan seperti muzium bergerak ke sekolah-sekolah kerana ianya akan menjadikan generasi muda untuk mempunyai sifat menghargai dan perasaan bangga ke atas warisan bangsa.

Sementara itu, Pemangku Timbalan Pengarah Muzium-Muzium, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Aji ketika berucap dalam majlis ini menjelaskan mengenai tema Hari Muzium Antarabangsa tahun ini iaitu 'Koleksi Muzium Sebagai Penghubung' yang mana tema ini menekankan bahawa muzium sebuah institusi yang membantu mewujudkan ikatan di antara masyarakat dan budaya, dengan

Berita dan Foto : Aryentty Haji Ariffin

kata lain muzium merupakan sebuah institusi yang menjadi penghubung ketamadunan warisan negara.

Selain pameran, taklimat mengenai fungsi dan peranan JMB juga diadakan sepanjang jerayawara ini berlangsung, yang melibatkan bahagian-bahagian akademik iaitu Bahagian Ilmu Kejadian, Maritim Arkeologi, Etnografi dan Arkib Negara Brunei Darussalam, penuntut dan pelajar yang terdiri daripada pelbagai sekolah menengah dan rendah dari Daerah Tutong.

Jerayawara ini diadakan sempena Hari Muzium Antarabangsa yang disambut oleh warga muzium di seluruh dunia pada setiap 18 Mei.



AHLI MMN dibawa menyaksikan jerayawara yang mengetengahkan koleksi Jabatan Muzium-Muzium.

Perintah Kesihatan Mental 2014 ganti 'Lunacy Act 1929'



SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan dan Penguatkuasaan) Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar semasa mendengarkan taklimat 'Perintah Kesihatan Mental' di Jerayawara Perintah Kesihatan Mental 2014, Brunei Darussalam yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 September. - Ketua Perkhidmatan Jabatan Psikiatri, Kementerian Kesihatan, Dr. Hilda Ho berkata, Perintah Kesihatan Mental 2014

yang akan dilaksanakan pada bulan November depan adalah suatu perintah untuk menyatukan undang-undang berhubung dengan kecelaruan mental dan untuk mengadakan peruntukan

bagi kemasukan, penahanan, penginapan, penjagaan, rawatan, pemulihan serta perlindungan orang yang bercelaru mental dan bagi perkara-perkara yang berhubung

Pentingnya mewujudkan akta kaunseling dan etika kaunseling



PARA peserta yang mengikuti Program Rakan Musaid Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) semasa bergambar ramai.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

MENTIRI, Isnin, 1 September. - dan Pentadbiran Awam) di Jabatan Setiausaha Tetap (Hal Ehwal Korporat Perdana Menteri (JPM), Awang

Haji Yahya bin Haji Idris berkata, kepentingan untuk mewujudkan akta kaunseling dan etika kaunseling di negara ini agar kebajikan kaunselor dan klien dalam pengendalian kaunseling dilindungi dan dijaga serta profesionalisme dan kredibiliti para

Pengawalseliaan cekap asas mempertahankan kestabilan kewangan



PENGARAH Eksekutif Penyeliaan Perbankan dan Pasaran Khusus, Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), Dayang Hajah Rashidah binti Haji Sabtu semasa bergambar ramai bersama peserta kursus.

Oleh : Khartini Hamir, Rahimah Haji Tamin
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 September. - Peraturan-peraturan berkesan dan pengawalseliaan yang cekap adalah penting sebagai asas mempertahankan kestabilan kewangan.

Pengarah Eksekutif Penyeliaan

Perbankan dan Pasaran Khusus, Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), Dayang Hajah Rashidah binti Haji Sabtu berkata, bank-bank pusat telah mengambil langkah-langkah menyusun atur persekitaran pengawalseliaan dan menambah baik

langkah-langkah penyeliaan dalam menangani operasi-operasi perbankan yang kompleks dan juga risiko-risiko yang berkaitan dengannya.

Berucap pada Kursus Foundational Course on Risk-Based Supervision di Hotel Ba'diah, Dayang Hajah Rashidah turut mengongsikan objektif utamanya yang paling mencabar bagi bank-bank pusat berikutan dengan krisis kewangan global iaitu untuk mempertahankan

Berita dan Foto : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

dengannya.

Katanya, perintah ini diperlukan adalah bagi menggantikan akta yang sedia ada iaitu 'Lunacy Act 1929' (Akta Gila) yang tidak mencukupi dan tidak sesuai.

Perintah tersebut jelasnya, adalah usaha bersama di antara Kementerian Kesihatan dan Jabatan Peguam Negara, di samping menjalani proses terperinci perundingan pihak yang berkepentingan dengan kementerian-kementerian serta agensi kerajaan yang berkenaan untuk memastikan pematuhan dengan prinsip-prinsip syariah dan undang-undang yang telah wujud.

Dr. Hilda Ho menyatakan perkara tersebut dalam taklimatnya yang bertajuk 'Perintah Kesihatan Mental' di Jerayawara Perintah Kesihatan Mental 2014, Brunei Darussalam yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Hadir sama mendengarkan sesi

taklimat tersebut Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Penguatkuasaan) Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar.

Jerayawara tersebut dihasratkan untuk memberikan kefahaman kepada kalangan profesional kesihatan dan orang ramai mengenai Perintah Kesihatan Mental 2014 yang akan mula berkuat kuasa pada 1 November 2014.

Perintah Kesihatan Mental 2014 bertujuan untuk menangani penjagaan dan rawatan orang yang bercelaru mental secara tertumpu dan menyeluruh.

Undang-undang baru ini merangkumi garis pandu rawatan yang bermula daripada proses kemasukan pesakit ke hospital sama ada secara sukarela atau tidak, rawatan awal di hospital serta pemulihan dan integrasi semula ke dalam masyarakat.

kaunselor di negara ini dapat dikekalkan.

Jelasnya, pembarigaan yang berkesan mengenai perkhidmatan kaunseling juga amat mustahak agar tanggapan umum yang salah terhadap dunia kaunseling akan dapat dihapuskan.

Tegasnya, kajian mengenai perkara ini perlulah dibuat agar usaha mengembangluaskan dan memajukan perkhidmatan kaunseling itu mampu dicapai dengan jayanya.

Awang Haji Yahya menyatakan perkara tersebut di Majlis Perasmian Program Rakan Musaid Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang diadakan di Kelab Perkhidmatan Awam di Kampung Mentiri, di sini.

Program yang merupakan kali kedua dianjurkan antara lain bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pegawai-pegawai yang terpilih dari kementerian dan jabatan kerajaan kepada kemahiran asas kaunseling, di samping untuk mengukuhkan lagi nilai teras serta pembangunan modal insan di dalam Perkhidmatan Awam.

Tayangan klip video Program Rakan Musaid Perkhidmatan Awam menandakan perasmian program berkenaan.

kestabilan kewangan.

Kursus anjuran AMBD dengan kerjasama South East Asian Central Banks Research and Training Centre (SEACEN), Asian Development Bank (ADB), ASEAN Secretariat (ASEC) dan ASEAN-Australia Development Cooperation Program (ADDCP) bermula dari 1 September sehingga 5 September 2014.

SEACEN Research and Training Centre telah ditubuhkan pada tahun 1982 dengan mempunyai lapan ahli bank pusat / autoriti monetari dan kini telah berkembang kepada 19 ahli pada tahun 2013.

Objektif penubuhannya antara lain untuk menggalakkan kefahaman yang lebih mendalam mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan kewangan, monetari, perbankan dan perkembangan ekonomi di rantau ini secara keseluruhan, selain itu ia juga bertujuan untuk merangsang dan memudahkan kerjasama antara bank-bank pusat dan autoriti monetari di dalam bidang penyelidikan dan latihan.

Kursus selama lima hari ini adalah bertujuan untuk mendedahkan para peserta mengenai fakta-fakta utama yang boleh menyebabkan kelemahan sektor kewangan serta risiko-risiko



SETIAUSAHA Tetap (Hal Ehwal Korporat dan Pentadbiran Awam) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Yahya bin Haji Idris semasa berucap di Majlis Perasmian Program Rakan Musaid JPA.

Program yang diadakan selama 17 hari mendedahkan para peserta dengan pengetahuan dan kemahiran asas di dalam kaunseling seperti memahami erti empati, kemahiran mendengar, kemahiran menyoal, di samping menjalani beberapa aktiviti luar seperti merintis dan berkayak.



PENGARAH Eksekutif Penyeliaan Perbankan dan Pasaran Khusus, AMBD, Dayang Hajah Rashidah semasa berucap di majlis tersebut.

yang mungkin timbul daripada kelemahan tersebut.

Kursus dihadiri oleh seramai 40 orang peserta daripada lima buah negara SEACEN iaitu Negara Brunei Darussalam, Kemboja, Laos, Myanmar dan Viet Nam, di mana sesi-sesi bengkel tersebut diselenggarakan oleh Advisor, Financial Stability and Supervision of The SEACEN Centre, Mr. Michael Joseph Zamorski.

Promosikan produk pertanian dan agrimakanan

TEMBURONG, Khamis, 28 Ogos. - Pesta Pertanian dan Agrimakanan memberi ruang kepada para pengusaha produk pertanian dan agrimakanan untuk mempromosikan produk mereka agar mereka akan lebih proaktif dalam memajukan hasil ladang buah-buahan atau produk-produk berasaskan buah-buahan.

Pesta Pertanian dan Agrimakanan yang diadakan selama dua hari tersebut telah dirasmikan oleh Pegawai Pemerintah Daerah Polis Temburong, Supt. Haji Mohammad Azrie bin Haji Talip dalam satu majlis yang berlangsung di ruang legar, Kompleks Utama Bumiputera Pekan Bangar, di sini.

Selain jualan produk-produk pertanian dan agrimakanan dari pengusaha-pengusaha tempatan, pesta juga dimeriahkan dengan beberapa aktiviti seperti pertandingan gubahan buah-buahan, pertandingan gubahan bunga-bunga hidup, pertandingan kraf tangan dan sebagainya.

Pesta tersebut diadakan bersempena sambutan perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68 bagi daerah ini.

Dengan adanya pesta seumpama ini secara langsung memberi peluang kepada para pengusaha yang bergiat

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Ah Chua



PEGAWAI Pemerintah Daerah Polis Temburong, Supt. Haji Mohammad Azrie bin Haji Talip semasa merasmikan Pesta Pertanian dan Agrimakanan di ruang legar, Kompleks Utama Bumiputera Pekan Bangar.

aktif dan berdaftar dengan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk menjalinkan hubungan *business matching* di antara satu dengan yang lain.

Majlis juga dihadiri oleh Ahli Majlis

Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad; Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Aidah binti Haji Hanifah; ketua-ketua cawangan dan para penghulu dan ketua kampung.

Kemeriahan aktiviti Festival Perayaan Daerah Tutong



PENGERUSI Lembaga Bandaran, Awang Haji Ali bin Matyassin semasa meninjau bahan-bahan pameran yang dipamerkan pada Festival Perayaan Daerah Tutong.

Berita dan Foto : Aryentty Haji Ariffin

TUTONG, Khamis, 28 Ogos. - Festival Perayaan Daerah Tutong 2014 merupakan salah satu usaha terbaik dan berupaya meningkatkan perekonomian penduduk setempat khususnya bagi menggalakkan perkembangan perusahaan-perusahaan kecil dan peniaga-peniaga bumiputera di daerah ini.

Pengerusi Lembaga Bandaran Tutong, Awang Haji Ali bin Matyassin berkata, apa yang dirancang pada masa hadapan adalah untuk mempelbagaikan dan memperbanyakkan lagi aktiviti perniagaan kecil-kecilan kepada peniaga-peniaga bumiputera di daerah ini secara meluas bagi menggalakkan perusahaan kecil-kecilan yang lebih *sustainable* iaitu melalui aktiviti jual-jualan yang berlainan seperti jualan bazaar bulanan, ekspo perniagaan secara berkala dan sebagainya yang akan dirancang oleh Lembaga Bandaran Tutong dan Pihak Berkuasa Melesen yang berkenaan.

Berucap pada pelancaran *soft opening* festival tersebut yang berlangsung di sepanjang kawasan Tatangan Sungai Tutong, Pekan Tutong, beliau seterusnya berharap ia akan menjadi *spin off* bagi menarik orang ramai berkunjung ke kawasan-kawasan komersial lain pusat bandar di Pekan Tutong untuk membeli keperluan seharian.

Festival selama tiga hari yang bermula hari ini, yang mana pada 28 dan 29 Ogos 2014 ia diadakan pada sebelah pagi dan petang, melibatkan gerai-gerai jualan, produk-produk kampung serta syarikat-syarikat swasta di Daerah Tutong.

Manakala acara kemuncak festival ialah pada sebelah malam, 30 Ogos 2014 dengan pelbagai aktiviti termasuklah perbarisan lalu oleh Pasukan Serunai dan Tambur Jabatan Penjara, perarakan mini tanglong, perbarisan puak dan masyarakat Tutong, pameran kereta antik serta persembahan bunga api.

Festival Perayaan merupakan acara keraian sempena sambutan perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68 Bagi Daerah Tutong.

Acara yang julung-julung kalinya diadakan ini setentunya akan memeriahkan lagi suasana sambutan perayaan di Daerah Tutong, di samping menggalakkan dan meningkatkan lagi keterlibatan orang ramai serta peniaga-peniaga kecil dan sederhana di daerah ini dalam menghidupkan malam di Pekan Tutong.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk berkunjung ke festival ini bagi sama-sama memeriahkan lagi suasana sambutan perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-68, Tahun 2014, di Daerah Tutong.

Pameran kreativiti wanita

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim



ISTERI Pegawai Daerah Temburong, Dayang Hajah Fauziah binti Mohd. Hassan (dua dari kanan) menyaksikan jenis-jenis masakan yang dipamerkan semasa berlangsungnya Pameran Kerjaya Wanita di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar.

TEMBURONG, Jumaat, 29 Ogos. - Pelbagai jenis masakan dan gubahan hasil kreativiti kaum wanita di daerah ini dipamerkan semasa berlangsungnya Pameran Kerjaya Wanita yang diadakan di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis pada pameran yang diadakan bersempena sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68 Tahun Bagi Daerah Temburong itu ialah isteri Pegawai Daerah Temburong, Dayang Hajah Fauziah binti Haji Mohd. Hassan.

Dalam ucapan alu-aluannya,

Dayang Hajah Norhani binti Haji Pawi, selaku Pengerusi majlis menyeru kaum wanita di daerah ini supaya akan dapat melibatkan diri dalam bidang kerjaya wanita seperti memasak, membuat kuih-muih, bidang anyaman atau gubahan.

Semua bidang tersebut jelasnya akan dapat menjana ekonomi keluarga masing-masing, bahkan mampu menjana ekonomi negara.

Antara yang dipamerkan termasuklah beberapa jenis masakan dan gubahan yang dipertandingkan semasa pameran berkenaan iaitu masakan daging, lokan, kupang, sayur umbut, puding, kek bakar, gubahan nasi, gubahan pasu bunga daripada manik dan sebagainya.

Majlis juga diselajurkan dengan peraduan memasak nasi goreng kampung, udang galah dan peraduan gubahan barang tersembunyi.

Dengan dikendalikan oleh Persatuan PERTIWI Cawangan Daerah Temburong, pameran antara lain bertujuan untuk saling mencambahkan idea atau fikiran ke arah mempelbagaikan produk yang dipamerkan.

Dengan adanya pameran seumpamanya diharap akan dapat membantu kaum wanita memperolehi kaedah untuk mempelbagaikan produk yang dihasilkan yang sekali gus dapat mengembangkannya produk dan menambah pendapatan mereka.

MAKLUMAN

Sistem komputer Jabatan Tanah berfungsi semula

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 September. - Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan memaklumkan kepada orang ramai bahawa sistem komputer Jabatan Tanah telah mula berfungsi seperti biasa.

Oleh yang demikian, orang ramai bolehlah membuat urusan pembayaran cukai tanah, cukai lesen tumpang sementara (LTS), duti setem dan lain-lain pembayaran mengikut daerah di mana letaknya tanah masing-masing di Pejabat Tanah Daerah Brunei dan Muara, Pejabat Tanah Belait, Pejabat Tanah Tutong dan Pejabat Tanah Temburong pada waktu pembayaran yang telah ditetapkan iaitu hari Isnin hingga Khamis bermula pukul 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan 1.45 petang hingga 3.00 petang; hari Sabtu bermula pukul 8.00 pagi hingga 10.00 pagi dan ditutup pada hari Jumaat, Ahad dan Hari Kelepasan Awam.

Doa selamat pemergian Pasukan Pemantau Antarabangsa



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat antara hadir pada Majlis Doa Selamat bagi pemergian Pasukan Pemantau Antarabangsa Negara Brunei Darussalam Ke-11 ke Kepulauan Mindanao, Republik Filipina di Surau Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 September. - Pasukan Pemantau Antarabangsa (PPA) Negara Brunei Darussalam ke Kepulauan Mindanao, Republik Filipina bagi Kumpulan Ke-11 akan berangkat meninggalkan negara pada hari Jumaat, 5 September ini.

Sehubungan dengan itu, Majlis Doa Selamat bagi pemergian pasukan tersebut diadakan di Surau Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison.

Hadir sama ke majlis itu ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Mohd. Tawih bin Abdullah.

Turut hadir Ahli-ahli Komite Eksekutif Pertahanan, Pemerintah Angkatan Tentera, Komandan-komandan, Pengarah-pengarah Awam dan Tentera, pegawai-pegawai dan kakitangan ABDB dan Awam Kementerian Pertahanan.

Pasukan Pemantau Kumpulan Ke-11 seramai lapan orang diketuai oleh Leftenan Kolonel Haji Huzaimi bin Pehin Datu Harimau Padang Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Husin terdiri daripada lima orang pegawai ABDB, seorang pegawai dari Pasukan Polis Diraja Brunei dan dua PTB Kanan ABDB.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan bacaan doa selamat dipimpin oleh Imam Surau Kementerian Pertahanan, Awang Shuif bin Haji Abdullah.

Negara Brunei Darussalam telah menyertai PPA di Mindanao sejak bulan Oktober 2004 dan telah diberi tanggungjawab mengetuai Kawasan Pasukan Satu di Bandar Cotabato, yang telah menyaksikan pertempuran di antara kumpulan-kumpulan bersenjata dengan angka tertinggi berbanding dengan lain-lain kawasan PPA.

Kehadiran PPA berperanan untuk mengurangkan ketegangan dan menghasilkan persekitaran yang kondusif bagi proses perbincangan damai yang mengambil tempat di antara pihak Kerajaan Republik Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro, yang membawa kepada penandatanganan bersejarah Perjanjian Menyeluruh ke atas Bangsamoro pada 27 Mac 2014.

Salah satu bahagian penting kepada perjanjian tersebut ialah untuk melaksanakan proses normalisasi, yang mana Negara Brunei Darussalam telah dijemput menjadi ahli Badan Pelucutan Senjata Bebas bagi membantu kesemua pihak yang terlibat di dalam menjalankan tanggungjawab mereka masing-masing di bawah perjanjian berkenaan.

100 pelajar, guru hadir motivasi hadapi peperiksaan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani, Nurul Syakirah Zaini
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 September. - Seramai lebih kurang 100 pelajar serta guru bagi kawasan Daerah Brunei dan Muara berpeluang menghadiri Bimbingan Motivasi Menghadapi Peperiksaan, berlangsung di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Bimbingan motivasi pada pagi itu diisikan dengan tiga sesi ceramah dari Jabatan Peperiksaan, Pusat Da'wah Islamiah dan Jabatan Pendidikan Kokurikulum yang antara lain bertujuan untuk menyediakan para pelajar sebelum, semasa dan selepas menghadap



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dayang Hajah Nortijah binti Haji Mohd. Hassan semasa hadir pada Bimbingan Motivasi Menghadapi Peperiksaan di Perpustakaan DBP.

pelajar-pelajar disaran untuk bertenang dan berlapang fikiran, melakukan ulang kaji, tidur yang mencukupi, menjaga kesihatan diri dan sentiasa berdoa serta meminta doa dan restu daripada ibu bapa dan guru-guru.

Sepanjang motivasi tersebut, pelajar berpeluang mengetahui cara pembahagian masa yang teratur yang penting bagi mendapatkan keputusan peperiksaan cemerlang.

Generasi belia, remaja, muda-mudi dan kanak-kanak merupakan aset negara yang sangat penting dan akan menjadi khazanah dan harapan bangsa, di samping bakal menjadi pemimpin di masa akan datang.

Oleh itu, selain dibekalkan ilmu pengetahuan dan kemahiran, mereka juga perlu diberikan kepercayaan untuk mempersiapkan diri dan merangsang jiwa untuk mempunyai sikap ingin maju dan berlatih untuk hidup berorganisasi dan terarah.

Bimbingan motivasi menghadapi peperiksaan bagi ahli perkhidmatan perpustakaan muda-mudi dan

kanak-kanak DBP melalui Bahagian Perpustakaan bertujuan untuk melahirkan dan mewujudkan masyarakat Brunei khususnya generasi belia / remaja / muda-mudi Brunei Darussalam menjadi generasi yang berilmu, berpengetahuan, berwawasan dan maju dalam segenap lapangan demi kemajuan bangsa, agama dan negara.

Tujuan utama ceramah ialah untuk menjadikan pelajar terbiasa atau terlatih untuk hidup berorganisasi dan mematuhi segala perintah dan arahan malahan dapat membentuk sahsiah dan personaliti pelajar agar lebih berwibawa, berwawasan, komited dan berdaya saing.

Di samping itu, motivasi ini juga bertujuan memberi kesedaran kepada para pelajar dalam sama-sama mendukung falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), selain membantu pelajar untuk lebih bersedia dari segi mental dan jati diri dalam menghadapi peperiksaan yang akan menjelang tidak lama lagi.



SEBAHAGIAN daripada pelajar yang menghadiri Bimbingan Motivasi Menghadapi Peperiksaan di Perpustakaan DBP.

peperiksaan.

Pemangku Pengarah DBP, Dayang Hajah Nortijah binti Haji Mohd. Hassan dalam ucapannya menjelaskan, pelajaran merupakan aset yang paling berharga bagi diri kita dan boleh diumpamakan sebagai satu pelaburan.

Beliau juga memberikan pelbagai tips yang berkesan bagi membantu para pelajar untuk membuat persediaan dengan lebih bersestematik sebelum menjelang peperiksaan yang antaranya,

Pegawai PDB sertai IMT di Mindanao



PEMANGKU Timbalan Pesuruhjaya Polis, Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al Islam (tengah) menadah tangan ketika doa selamat dibacakan bagi pemergian seorang anggota polis dalam IMT ke Mindanao, Republik Filipina.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 September. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) telah mengadakan Majlis Doa Selamat bagi seorang pegawainya iaitu Penolong Penguasa Polis Haji Awang Md. Termizi bin Dr. Haji Awang Md. Yussop yang akan menyertai Pasukan Pemantau Antarabangsa (IMT) Negara Brunei Darussalam Ke-11 Mindanao, Republik Filipina.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis, Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al Islam.

Turut hadir ialah Pemangku Pengarah Gerakan, Penolong Pesuruhjaya Polis Haji Mohd. Don bin Haji Harith berserta pegawai-pegawai kanan PDB.

Tetamu kehormat semasa berucap pada majlis ini berkata, penyertaan anggota pasukan di dalam misi tersebut menunjukkan komitmen PDB terhadap misi tersebut, di samping meningkatkan dan mengongsikan pengetahuan kepada pegawai PDB lainnya.

Majlis diteruskan dengan bacaan doa selamat yang diketuai oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis Gadong.

Berangkat meninggalkan Kuching, Sarawak

KUCHING, NEGERI SARAWAK, Ahad, 7 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan Kuching, Negeri Sarawak setelah menyaksikan Perlumbaan Akhir Perahu Naga Antarabangsa Regatta Sarawak 2014.

Sebelum berangkat meninggalkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, doa selamat dibacakan oleh Imam Besar Negeri Sarawak, Datuk Haji Jorgi bin Suhaili.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Sarawak bagi menyebarkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Yang Di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Tan Sri Pehin Sri Haji Abdul Taib bin Haji Mahmud; Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Adenan bin Haji Satem; Menteri Perancangan Sumber dan Alam Sekitar II, Menteri Kemudahan Awam, Menteri Pembangunan dan Perindustrian selaku Menteri Pengiring, Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hassan dan Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sarawak, Yang Mulia Haji Soedirman bin Aini serta pegawai-pegawai kanan Negeri Sarawak.

Turut hadir bagi menyebarkan selamat berangkat ke hadapan majlis



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah daripada Yang Di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Tan Sri Pehin Sri Haji Abdul Taib bin Haji Mahmud.

Laporan : Bolhassan Haji Abu Bakar
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas
dari Kuching, Negeri Sarawak

Kebawah DYMM ialah Konsul Agung Negara Brunei Darussalam di Kuching, Negeri Sarawak, Awang Haji Kamsani bin Haji Noordin dan pegawai-pegawai daripada Konsulat Agung Negara Brunei Darussalam di Kuching, Negeri Sarawak.

Mengiringi keberangkatan baginda ialah Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Hubungan persahabatan di antara Negara Brunei Darussalam dan Negeri Sarawak terjalin sejak sekian lama, yang mana ia dipereratkan lagi dengan pertukaran lawatan di peringkat tertinggi dan pegawai-pegawai kanan.

Keberangkatan lawatan dua hari baginda ke Kuching bagi menyaksikan Regatta Sarawak jelas mencerminkan hubungan yang semakin kukuh dan harmoni antara Negara Brunei Darussalam dan Negeri Sarawak.

Kekosongan jawatan tidak mencukupi menampung pengangguran



PEMANGKU Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Haji Othman semasa menyampaikan ucapan alu-aluan.

Dari muka 1

Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menjelaskan, dunia

keusahawanan telah mengalami revolusi baru yang hebat melibatkan pelbagai aspek kehidupan masa kini melalui teknologi *internet* di antara perhubungan di antara manusia menjadi begitu mudah dan cepat.

"Bidang keusahawanan sememangnya merupakan salah satu bidang yang diiktiraf mampu memberikan peluang kewangan, di samping dapat menjamin kestabilan pendapatan keluarga," ujarnya.

Oleh yang demikian, hasrat untuk menjana lebih ramai usahawan muda menjelang 2035 memerlukan komitmen yang tinggi dan padu dalam usaha untuk menyemai minat membudayakan keusahawanan dalam kalangan belia di negara ini.

Pada majlis itu, tetamu kehormat telah melancarkan

Minggu Keusahawanan PPB Ke-9 dan kemudian berpeluang melawat ke *booth-booth* pameran dan tapak gerai jualan.

Minggu Keusahawanan PPB menampilkan perkhidmatan-perkhidmatan produk para pelatih daripada sembilan buah kursus yang telah ditawarkan di pusat berkenaan. Sesuai dengan temanya 'Keusahawanan Tanpa Sempadan', ia diharap akan dapat menjadi pemangkin kepada para pelatih untuk lebih mempelajari dan memahami proses untuk menjadi seorang pengusaha yang berjaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk sama-sama menghadiri Minggu Keusahawanan PPB Ke-9 yang bermula dari pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang.

Bina kapasiti, kualiti pendidikan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Masjil Konvokesyen Universiti Brunei Darussalam (UBD) Ke-26 di Dewan Canselor UBD. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan selaku Pro Canselor UBD.

Dari muka 1

Skim tersebut, titah baginda, dihasratkan sebagai penghargaan kepada tenaga akademik yang berprestasi cemerlang mengikut piawaian antarabangsa.

Baginda juga ingin melihat Skim Biasiswa Lepas Ijazah (Graduate Research Scholarship) yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar tempatan dan antarabangsa dapat membantu perkembangan penyelidikan dan inovasi dalam bidang yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Baginda juga menegaskan, sektor pengajian tinggi adalah nadi pembangunan negara. Kerana itu, baginda sangat teruja untuk mencapainya syabas kepada UBD yang telah mencapai kedudukan dalam 'QS Asia University Rankings' pada tahun ini.

"Kejayaan tersebut menunjukkan UBD adalah semakin matang dan mendapat pengiktirafan antarabangsa namun perlu diingat, bahawa dalam pembelajaran dan pendidikan itu tidak ada titik penyudahnya melainkan semuanya adalah dinamik dan selalu berubah," titah baginda.

Oleh itu, baginda seterusnya mengingatkan agar UBD terus berlari bukannya melangkah dengan longlai ke arah menempatkan dirinya di antara institusi-institusi tertinggi di dunia.

Peringatan tersebut juga, tegas baginda, turut ditujukan kepada semua institusi pengajian tinggi di negara ini kerana sudah sampai masanya untuk mereka mesti bersaing, bukannya setakat menonton orang lain bersaing.

Menyebut tentang persaingan, baginda yakin ia tidak mungkin berlangsung tanpa adanya tenaga akademik yang berkualiti tinggi.

Dalam hal ini, baginda memahami bahawa bukan semua tenaga akademik mempunyai status yang diharap-harapkan seperti golongan yang lain, ada yang dedikasi dan ada juga yang tidak, begitu juga ada yang rajin dan berwawasan, di samping ada juga yang sebaliknya.

"Mereka yang tidak rajin dan tidak berwawasan itu mungkin sahaja dapat dilihat sebagai cuma tahu mengajar semata-mata sebagai memenuhi jadual, tetapi selesai mengajar, tidak ada apa-apa yang dibuat," ujar baginda.

Dalam makna tersebut, titah baginda, pada setiap hari cuma rutin mengajar sahaja sedangkan selebihnya adalah kosong dan

tidak ada apa-apa.

Baginda seterusnya bertitah menegaskan bahawa tenaga akademik yang seumpama ini boleh disifatkan sebagai tidak kreatif dan ia adalah *jumud* atau beku, tidak boleh menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan ilmu.

Dengan yang demikian, tidak pelik jika seseorang itu walaupun telah berkhidmat berbelas-belas tahun lamanya selaku tenaga pengajar akademik, namun tiada sebuah pun buku atau kajian dapat dihasilkan, titah baginda.

Selain tenaga akademik, para graduan juga adalah dinilai dengan penilaian yang sama dan mereka boleh didapati dalam kedudukan yang berbeza-beza, sekalipun mereka berada di peringkat dan bidang pengajian yang sama.

Dalam perkara ekonomi, baginda bertitah UBD patut merancang untuk melahirkan graduan-graduan yang *marketable* yang juga mampu berdiri sendiri melalui keusahawanan.

Menurut baginda, melalui pendidikan mereka juga perlu berubah dan malah berani untuk mengubah sikap seperti suka menunggu-nunggu pekerjaan yang menjadi budaya proaktif seperti suka *berkarir* dan *berbasah bekang*.

Sehubungan ini, titah baginda, 'The National Entrepreneurship Agenda' dalam pendidikan telah pun bertapak di UBD dan telah berjalan dari awal tahun lagi yang bertujuan untuk memupuk keusahawanan dari awal pendidikan sampailah ke pengajian tinggi.

Menyentuh mengenai lain-lain perkara selain kedatangan pelajar ke sekolah, baginda menekankan supaya ibu bapa mengawal disiplin anak-anak dan memberikan perhatian atau pengawasan terhadap kegiatan-kegiatan di luar sekolah.

"Jika dalam perkara kedatangan anak-anak pun ibu bapa boleh terlepas pandang, betapa dengan kegiatan-kegiatan mereka yang memang susah untuk dikesan seperti kecenderungan melayari *internet* secara bersembunyi-sembunyi, adakah para ibu bapa dan penjaga juga mengambil berat?" tegas baginda.

Dalam pada itu, baginda juga bertitah mengingatkan para graduan supaya mengambil peluang mengekalkan identiti kebruneian yang berpaksikan Melayu Islam Beraja (MIB) dan memeliharanya sampai ke generasi turun-temurun.

'ERATKAN PERPADUAN DAN KEMESRAAN BERNEGARA BERSAMA JIRAN TETANGGA'

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.